

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. K. 84 An
No. Perolehan: 79924
Tarikh: 12/84

KOMUNITI NELAYAN DI KUALA MUDA, SEBERANG PRAI
TINJAUAN BEBERAPA ASPEK SOSIO-EKONOMI

ANG GAIK HOAY
NO. MATRIK 041460

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Greed and Lust are the repulsive poisons.
Hatred is the great blinding fire.
Ignorance is the deepest darkness.

SESSI 1984/85

- BUDDHA -

PENGHARGAAN

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih pada mereka yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini yang Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Zainal Kling yang telah sudi meluangkan masanya untuk menyemak, memberikan bimbingan, kritikan, nasihat dan pandangannya sehingga selesai latihan ilmiah ini dibuat. Sesungguhnya sumbangan-sumbangan kalian amat saya hargai sekali.

Ucapan terima kasih juga ditujukan pada ahli-ahli keluarga saya khasnya pada Mr. Ng yang telah banyak membantu saya sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Ribuan terima kasih juga ditujukan pada penduduk di Kuala Muda terutamanya kepada responden-responden yang telah sudi bekerjasama dalam memberikan maklumat dan kererangan yang dihendaki.

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,

Juga ucapan terima kasih dituju pada pegawai-pegawai di jabatan kerajaan yang telah sudi memberikan maklumat dan penjelasan yang amat bermakna pada kajian ini.

Saya juga tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih pada kawan-kawan saya yang selama ini memberikan perhatian, galakan dan pandangan yang merangsang^{me} pada saya.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih pada mereka yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu di sini yang secara langsung atau tidak langsung telah memberikan sumbangan dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Pada semua yang tersebut di atas sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sesungguhnya sumbangan-sumbangan kalian amat saya hargai sekali.

Sekian, terima kasih.

Dalam Bab II dinyatakan kedudukan sektor perikanan dalam negara kita, kepentingannya dan masalah-masalah yang wujud di dalamnya. Juga diuraikan satu rangka teori yang digunakan untuk menganalisa data-data yang dikumpulkan dan diadakan Ang Gaik Hoay

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi,

Universiti Malaya.

25/1/85.

hak milik, pengkapan berlebihan, kuasa pemasaran, peluang pekerjaan dan inflasi.

Bab IV merupakan penilaian dan penguraian yang lebih mendalam dan kritikal terhadap masyarakat nelayan di negara kita. Juga diuraikan langkah-langkah yang diambil dan dijalankan oleh kerajaan kita untuk membangunkan masyarakat

SINOPSIS

Kajian ini yang dijalankan di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda memberikan tumpuan khas pada aspek sosio-ekonomi komuniti nelayan di situ.

Dalam Bab I dihuraikan tentang tempat kajian, masalah yang dikaji, tujuan ia dikaji serta bidang kajian yang ditumpukan. Juga dinyatakan bagaimana data-data dikumpulkan dan kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa pengumpulan data.

Dalam Bab II dinyatakan kedudukan sektor perikanan dalam negara kita, kepentingannya dan masalah-masalah yang wujud di dalamnya. Juga dihuraikan satu rangka teori yang digunakan untuk menganalisa data-data yang dikumpulkan dan cadangan penyelesaian masalah dari teori itu.

Bab III pula memberikan fokus pada keadaan sosio-ekonomi komuniti nelayan di Kuala Muda, khasnya pada aspek hak milik, pengkapan berlebihan, kuasa pemasaran, peluang pekerjaan dan inflasi.

Bab IV merupakan penilaian dan penghuraian yang lebih mendalam dan kritikal terhadap masyarakat nelayan di negara kita. Juga dihuraikan langkah-langkah yang diambil dan dijalankan oleh kerajaan kita untuk membangunkan masyarakat

nelayan dalam negara kita. KANDUNGAN

Bab V mengandungi kesimpulan dan cadangan-cadangan dari pengkaji untuk meninggikan taraf hidup masyarakat nelayan dalam negara kita.

Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Lampiran peta	30
Kandungan	31
BAB I : PENGENALAN	1
1.1 : Siapa Itu Nelayan Tradisional	1
1.2 : Kepentingan Kepentingan Nelayan Tradisional	2
1.3 : Masalah Kajian	3
1.4 : Tujuan Kajian Dan Kepentingan Kajian	4
1.5 : Bidang atau Ruang Lingkup Kajian	4
1.6 : Teknik Pengumpulan Data	5
1.7 : Kesulitan-Kesulitan Yang Dihadapi Semasa Kerja Luar	9
1.8 : Tempat Kajian	14
BAB II : PERUMBUH DAN STRATEGI PEMBANGUNAN	21
2.1 : Kedudukan Sektor Perikanan	21
2.2 : Kepentingan Sektor Perikanan	23
2.3 : Masalah-Masalah Sektor Perikanan	23


2.4	:	Strategi ISI KANDUNGAN Sektor Perikanan	29
2.5	:	Rangka Teori	29
2.6	:	Cadangan Penyelesaian Masalah ..	Halaman
Penghargaan	:	:	i
Sinopsis	:	KEADAHAN SOSIO-EKONOMI KOMUNITI: NELAYAN DI KUALA MUDA	iii
Isi Kandungan	:	:	v
Senarai Jadual	:	:	viii
Lampiran peta	:	:	38
Kandungan	:	:	42
BAB I	:	PENGENALAN	1
1.1	:	Siapa Itu Nelayan Tradisional ..	1
1.2	:	Kepentingan-Kepentingan Nelayan ..	2
1.3	:	Tradisional	2
1.3	:	Masalah Kajian	3
1.4	:	Tujuan Kajian Dan Kepentingan Kajian ..	4
1.5	:	Bidang atau Ruang Lingkup Kajian ..	4
1.6	:	Teknik Pengumpulan Data	5
1.7	:	Kesulitan-Kesulitan Yang Dihadapi Semasa Kerja Luar Bandar	9
1.8	:	Tempat Kajian	14
BAB II	:	TEORI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN	21
2.1	:	Kedudukan Sektor Perikanan	21
2.2	:	Kepentingan Sektor Perikanan	23
2.3	:	Masalah-Masalah Sektor Perikanan	23


2.4	:	Strategi Pembangunan Sektor Perikanan	25
2.5	:	Rangka Teori	29
2.6	:	Cadangan Penyelesaian Masalah	32
		Sistem 2L	99
BAB III	:	KEADAAN SOSIO-EKONOMI KOMUNITI	108
		NELAYAN DI KUALA MUDA	36
3.1	:	Hak Milik	36
		Modal Tetap	38
		Modal Pusingan Harian	42
		Pendapatan	44
		Bantuan Kerajaan	47
BAB V	:	CADANGAN DAN KESIMPULAN	127
		Sebab-Sebab Kegagalan Skim Subsidi	51
3.2	:	Penangkapan Berlebihan	54
3.3	:	Kuasa Pemasaran	62
3.4	:	Peluang Pekerjaan	65
3.5	:	Inflasi	72
3.2	:	Kesimpulan	137
BAB IV	:	ANALISIS DAN PENILAIAN	82
4.1	:	Pandangan-Pandangan Berlainan	82
		Mengenai Masyarakat Luar Bandar	82
Bibliografi		Hak Milik	90
		Susut Nilai Enjin	91
		Susut Nilai Pukat	91
		Kestabilan Awak-Awak	92
		Penangkapan Haram	93
		Koperasi	96

Senarai Jadual	Pembayaran Balik Wang Pinjaman	..	98
Jadual 2.1	: Semenanjung Malaysia : Kadar Kemiskinan Mengikut Sektor, 1980	..	22
4.2	: Rancangan-Rancangan Pembangunan	..	99
Rajah 2.2	: Pembangunan Perikanan : Ringkasan Sistem 2L	99
Rajah 2.3	: Kursus Latihan Untuk Nelayan	108
Rajah 2.4	: Masalah Empirikal Nelayan Tradisional	30
Jadual 3.1	: Dasar Perlesenan Baru Perikanan 1983	112
Jadual 3.2	: Usaha-Usaha Baru Oleh Bahagian Pemasaran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) atau (MAJU IKAN)	116
Jadual 3.3	: Projek-Projek Ternakair	118
Jadual 3.4	: Umur Responden-Responden	41
BAB V	: CADANGAN DAN KESIMPULAN	127
5.1	: Cadangan-Cadangan Untuk Memperbaiki Taraf Hidup Masyarakat Nelayan	129
Jadual 3.6	: Biologiikal	129
Jadual 3.7	: Teknologiikal	131
Jadual 3.8	: Sosio-Ekonomi	132
5.2	: Kesimpulan	137
Jadual 3.9	: Gita Rasa Responden	68
Lampiran Gambar	: Sikap Dan Harapan Responden Terhadap Anak-Anak Mereka	71
Bibliografi	: Tanggungan Responden-Responden	73
Jadual 3.11	: Pusingan Kemiskinan	76
Rajah 4.1	: Satu Susunan Kumpulan Nelayan Bagi Satu Kawasan Perkhidmatan Sistem 2L	103
Jadual 4.2	: Kursus-Kursus Untuk Nelayan	108

Senarai Jadual dan Rajah	Halaman
Jadual 2.1 : Semenanjung Malaysia : Kadar Kemiskinan Mengikut Sektor, 1980	22
Rajah 2.2 : Pembangunan Perikanan : Ringkasan Dasar Strategi	26
Rajah 2.3 : Masalah Empirikal Nelayan Tradisional	30
Rajah 2.4 : Penyelesaian Yang Munasabah ..	33
Jadual 3.1 : Kedudukan Hak Milik Responden ..	37
Jadual 3.2 : Anggaran Kos Kelengkapan Penangkap Ikan	39
Jadual 3.3 : Umur Responden-Responden	41
Jadual 3.4 : Pendapatan Bulanan Responden ..	45
Jadual 3.5 : Bantuan Subsidi Nelayan Untuk Daerah Kuala Muda	45
Jadual 3.6 : Jumlah Pendaratan Dan Pendaratan Bot Pukat Tunda Dari Tahun 1965-1974 Untuk Negeri Pulau Pinang ..	57
Jadual 3.7 : Pekerjaan Sampingan Responden ..	65
Jadual 3.8 : Taraf Pelajaran Responden ..	66
Jadual 3.9 : Cita Rasa Responden	68
Jadual 3.10 : Sikap Dan Harapan Responden Terhadap Anak-Anak Mereka ..	71
Jadual 3.11 : Tanggungan Responden-Responden ..	73
Rajah 3.12 : Pusingan Kemiskinan	76
Rajah 4.1 : Satu Susunan Kumpulan Nelayan Bagi Satu Kawasan Perkhidmatan Sistem 2L	103
Jadual 4.2 : Kursus-Kursus Untuk Nelayan ..	108

TEMPAT KAJIAN : KUALA MUDA, SEBERANG PRAI
UTARA, BUTTERWORTH, PULAU PINANG.





1.2 KEPENTINGAN-KEPENTINGAN BAB I NELAYAN TRADISIONAL

1 Dalam keadaan semula, Pengenalan tanpa pencemaran, tanpa penangkapan berlebihan), perikanan tradisional ini dapat

1.1 SIAPA ITU NELAYAN TRADISIONAL?

Food And Agriculture Organization (FAO) telah

mendefinisikan nelayan tradisional atau kadang-kadang

dipanggil nelayan artisinal seperti berikut: tradisional ini

"Artisanal fishermen may be found in coastal, estuary, lagoon, river or lake fisheries, including aquaculture. The capital investment is relatively slight, with a corresponding low level of organization and with little use of specialized skills. Vessels are small and the fishing gear is usually hand-operated. Productivity and incomes are generally low with the catch commonly sold fresh or salted, dried or smoked for local sale. The fishery lacks infrastructural backing and credit" (FAO, 1973:1)

Nelayan-nelayan tradisional ini mempunyai modal dan

teknologi yang rendah serta hasil pengeluaran yang rendah

juga, akibat dari itu mereka berada dalam keadaan taraf

hidup yang rendah. Walaupun begitu kita tidak dapat

menafikan bahawa nelayan tradisional ini juga mempunyai

kepentingan-kepentingannya yang tersendiri dan tertentu

dan juga berperanan dalam pembangunan ekonomi sesebuah

negara.

1.2 KEPENTINGAN-KEPENTINGAN NELAYAN TRADISIONAL

i Dalam keadaan semulajadi (iaitu tanpa pencemaran, tanpa penangkapan berlebihan), perikanan tradisional ini dapat dijalankan dengan hanya modal yang sedikit sahaja untuk mendapatkan ikan-ikan yang tersedia ada dalam lautan. Dengan infrastruktur yang lengkap dan disertai dengan nasihat-hasihat yang membina maka perikanan tradisional ini patut digalakkan kerana ia dapat memberikan satu keadaan kehidupan yang baik pada ramai orang tanpa memerlukan modal dan teknologi yang tinggi.

ii Di kawasan perairan pantai, muara sungai, danau, kawasan paya dan kawasan air yang cetek terdapat juga ikan-ikan atau kehidupan laut yang lain yang bermutu tinggi. Oleh kerana permintaan yang tinggi pada sumber-sumber laut ini maka nilainya tinggi dan ia memberi keuntungan yang banyak pada penangkapnya. Sumber-sumber laut di kawasan yang disebutkan itu hanya dapat ditangkap oleh mereka yang berpengalaman dengan alat tradisi dan dijalankan secara kecil-kecilan sahaja. Ia tidak dapat dijalankan dengan menggunakan bot-bot yang besar.

iii Dengan adanya perikanan tradisi di perairan pantai, ia membolehkan nelayan dalam perikanan laut dalam menukar kepada perikanan pantai jika mereka dapati perikanan laut dalam itu tidak sesuai untuk mereka. Juga perikanan pantai

ini boleh dijadikan sebagai satu pekerjaan sampingan kepada petani-petani dalam musim-musim tertentu.

Dengan kepentingan dan faedah yang boleh kita dapati daripada perikanan tradisional maka tidaklah wajar kalau kita dalam proses pembangunan ekonomi negara kita ingin menghapuskan golongan nelayan tradisional ini dengan menjadikan mereka sebagai nelayan moden yang menggunakan modal dan teknologi yang tinggi. Lagipun penggunaan teknologi yang tinggi dengan kecekapan yang lebih bermakna ia akan menjimatkan tenaga manusia; sedangkan negara-negara yang sedang membangun selalunya menghadapi masalah pengangguran dan pertambahan penduduk yang cepat. Jika perikanan tradisional ini dapat menampung sebahagian besar daripada tenaga manusia maka tidaklah manasabah kalau perikanan tradisional ini dihapuskan dalam program pembangunan ekonomi negara.

1.3 MASALAH KAJIAN

Komuniti nelayan tradisional dalam negara kita sedang menghadapi satu masalah yang amat buruk iaitu masalah taraf hidup yang rendah. Sudahpun bergenerasi yang lalu, komuniti nelayan ini menghadapi masalah taraf hidup yang rendah sehinggakan sektor perikanan dianggap sebagai salah satu sektor ekonomi yang termiskin sekali. Masalah taraf hidup yang rendah inilah yang akan dilihat di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda. Persoalan taraf hidup yang rendah ini

perlu diberi perhatian penuh kerana wujudnya kadar kemiskinan yang tinggi di luar bandar bukan lagi merupakan satu fenomena yang baru. Malah fenomena ini sudahpun lama wujud dan banyak rancangan dan langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Tetapi yang menjadi persoalan di sini ialah mengapa setelah sekian banyak program dilaksanakan masih lagi wujud masalah kemiskinan ini dalam keadaan yang berleluasa. Apakah punca-punca yang sebenarnya yang membolehkan masalah taraf hidup yang rendah ini terus wujud di kalangan komuniti nelayan? Kriteria. Pengkaji juga berjumpa dengan nelayan yang sedang

1.4 TUJUAN KAJIAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Tujuan kajian latihan ilmiah ini ialah untuk mencari, mengenalpasti dan seterusnya menghuraikan punca-punca yang membolehkan wujudnya keadaan taraf hidup yang rendah di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda. Pentingnya pemahaman ini ialah untuk membolehkan kita mencari jalan yang paling sesuai untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah yang dihadapi hingga ke akar umbinya. meraka yang sudah berpura dari turun ke laut. Tujuan kajian ini adalah untuk

1.5 BIDANG ATAU RUANG LINGKUP KAJIAN

Kajian ini hanya akan menumpukan perhatian pada aspek sosio ekonomi sahaja. Aspek-aspek lain seperti ugama dan politik tidak akan diberi tumpuan, ia hanya akan disentuh bila ia didapati berkaitan dengan aspek sosio-ekonomi dalam keadaan-keadaan tertentu. Dalam aspek sosio yang

akan diberi tumpuan khas ialah kekeluargaan, pelajaran, sikap, nilai dan perhubungan sosial. Dalam aspek ekonomi pula, tumpuan khas diberi pada pekerjaan, pendapatan, modal, teknologi, hak milik, pasaran, sumber laut dan inflasi.

1.6 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

1. Pemilihan responden-responden

Tidak ada cara khas yang digunakan untuk memilih responden-responden. Pengkaji pergi ke tempat kajian dan melawat dari rumah ke rumah tanpa berdasarkan apa-apa kriteria. Pengkaji juga berjumpa dengan nelayan yang sedang berehat di pondok-pondok rehat di tepi pantai. Dengan itu responden-responden diambil dengan cara sewenang-wenang tanpa berpandu pada apa-apa syarat. Lima puluh nelayan telah ditemui dan segala data yang akan dibentangkan nanti adalah berdasarkan pada lima puluh responden ini. Walau bagaimana pun, pengkaji juga banyak berbual dengan penduduk di situ yang tidak dimasukkan dalam jumlah responden, mereka ini adalah seperti pekedai runcit, pekedai kopi, surirumah dan mereka yang sudah bersara dari turun ke laut. Tujuan pemilihan responden secara sewenang-wenang ini adalah untuk menjimatkan masa. Jika seseorang individu ditetapkan untuk menjadi responden pengkaji, tetapi kalau ia amat susah ditemui kerana sering tidak ada di rumah; maka pengkaji terpaksa berulang alik setiap hari mencarinya. Ini akan memakan masa yang panjang dan perbelanjaan yang banyak

untuk membiayai tambang perjalanan.

ii. Soal Selidik

Senarai kertas-kertas soal selidik telah disediakan dengan mengandungi dua bentuk soalan yang berlainan. Bentuk soalan yang pertama ialah yang bersifat 'terbuka' iaitu soalan-soalan yang tidak disediakan jawapan untuk pemilihan responden. Responden diberi kebebasan untuk memberikan jawapan mereka masing-masing. Bentuk soalan yang kedua ialah yang bersifat 'tertutup' iaitu soalan-soalan yang terlebih dahulu disediakan jawapan oleh pengkaji dan responden dikehendaki memilih salah satu daripada jawapan-jawapan yang disediakan itu. Oleh kerana kebanyakan responden tidak tahu membaca, maka pengkaji terpaksa membacakan soalan-soalan itu kepada mereka dan mencatatkan segala jawapan yang diberi oleh mereka. Antara maklumat yang ditanya pada responden ialah butir-butir peribadi, kekeluargaan, pendidikan, pekerjaan, pendapatan, perbelanjaan, sikap dan pandangan serta masalah-masalah yang dihadapi berkaitan dengan pekerjaan mereka. Kaedah ini dilakukan dengan cara melawat dari rumah ke rumah untuk bertemu dengan responden, dan juga dilakukan di pondok-pondok rehat di tepi pantai. Kaedah soal selidik ini digunakan ialah dengan tujuan untuk mendapatkan data kuantitatif. Maklumat-maklumat yang didapati akan lebih tersusun dan ini menyenangkan kerja menyediakan jadual-jadual untuk data-data yang dikehendaki.

kajian pengkaji.

iii. Pemerhatian

Cara pemerhatian ini digunakan bila pengkaji memerhatikan ikan-ikan dijual beli secara lelong di kawasan tepi pantai. Pemerhatian teliti juga dilakukan di kawasan sekeliling tempat kajian seperti kemudahan infrastruktur, kemudahan kelengkapan menangkap ikan, bentuk rumah, alat kelengkapan rumah, interaksi sosial, tingkahlaku penduduk dan lain-lain. Tujuan pemerhatian ini ialah untuk memastikan sama ada maklumat yang diberikan oleh responden itu benar atau tidak benar. Jika responden menyatakan pendapatannya adalah sedikit atau tidak mahu memberitahu jumlah pendapatannya maka pengkaji akan cuba mendapatkan jawapan dengan memerhatikan keadaan kelengkapan di rumahnya. Jika ia mempunyai kereta atau pita video sudah tentu pendapatannya tidaklah sedikit seperti apa yang diceritakannya. Juga pemerhatian diperlukan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas tentang keadaan tempat kajian. Interaksi dan tingkahlaku sosial masyarakat akan lebih mudah difahami dengan cara pemerhatian daripada cara soal selidik.

iv. Pertemuan formal dan tidak formal

Pengkaji telah membuat pertemuan secara formal dengan pegawai kerajaan di Jabatan Kerajaan untuk mendapatkan maklumat, data-data dan peta-peta yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

Selain dari pertemuan secara formal ini, pengkaji juga bertemu dengan pegawai dari Jabatan Perikanan Pulau Pinang secara tidak formal. Pertemuan tidak formal ini berlaku secara kebetulan bila pegawai kerajaan itu melawat ke kawasan kajian. Pengkaji juga bertemu bual dengan penduduk di Kuala Muda termasuk yang bukan bekerja sebagai nelayan seperti peruncit, surirumah dan pekedai kopi. Pertemuan tidak formal ini ialah perbualan secara sepontan tanpa menggunakan kertas soal selidik. Kaedah ini berlaku di mana-mana sahaja seperti kedai runcit, kedai kopi, gerai makanan, tepi pantai, halaman rumah, pondok rehat dan di mana saja yang pengkaji dapati masa dan keadaannya mengizinkan.

Tujuan diadakan pertemuan tidak formal ini ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan yang berguna untuk kajian pengkaji. Maklumat ini mungkin tidak ditanya dalam kertas soal selidik dan dengan cara berbual-bual ini maklumat baru akan diperolehi. Juga pertemuan tidak formal ini dapat merapatkan lagi hubungan pengkaji dengan penduduk di situ. Perbualan sepontan ini tidak menakutkan mereka kerana pengkaji tidak lagi mencatatkan apa-apa yang dikatakan oleh mereka. Malah dalam pertemuan inilah mereka pula menanya balik soalan-soalan pada pengkaji seperti dari mana pengkaji berasal, datang ke situ dengan cara apa, tinggal di mana sekarang, apa kursus di Universiti dan lain-lain lagi. Pengkaji telah cuba menjawab soalan mereka dengan ringkas-ringkas yang boleh dan cuba merendahkan

diri untuk mewujudkan satu perhubungan yang baik dan supaya mereka dapat menerima kehadiran pengkaji tanpa syak wasangka yang berbagai. Seberang Prai Utara, Butterworth dan pengkaji pula tinggal di Sungai Petani, Kedah, maka perjalanannya

v. Kajian Perpustakaan belanja yang banyak dan masa yang lama. Kaedah ini sudah dimulakan sebelum kerja luar telah dilakukan dan ia akan berterusan sehingga selesai latihan ilmiah ini ditulis. Bahan bacaan yang berkaitan dengan masalah kajian akan dibaca dan diteliti untuk mendapatkan maklumat dan bukti serta data-data tambahan yang tepat dan padat untuk menyokong kajian dan huraian yang dibuat. Jenis-jenis bahan bacaan itu ialah seperti berikut:-

- a. Karya-karya terbitan;
- b. Majalah;
- c. Latihan ilmiah;
- d. Kertas kerja;
- e. Laporan resmi tahunan kerajaan;
- f. Artikel surat khabar.

1.7 KESULITAN-KESULITAN YANG DIHADAPI SEMASA KERJA LUAR

i. Masalah Peribadi Pengkaji Sendiri Oleh kerana pengkaji menjalankan kerja luar seorang diri maka ini telah menimbulkan kebimbangan atas soal keselamatan dari keluarga pengkaji sendiri. Ibu pengkaji tidak membenarkan pengkaji tinggal bersama komuniti nelayan yang pengkaji menjalankan kajian itu. Oleh kerana itu

pengkaji terpaksa berulang alik setiap kali pergi ke kawasan kajian. Tetapi oleh kerana tempat kajian ialah di Kuala Muda, Seberang Prai Utara, Butterworth dan pengkaji pula tinggal di Sungai Petani, Kedah, maka perjalanannya agak jauh dan ia memakan belanja yang banyak dan masa yang lama. Oleh itu cara penyelesaiannya ialah pengkaji telah menumpang di rumah saudara keluarga pengkaji di Butterworth dan ini lebih memudahkan pengkaji pergi balik ke kawasan kajian.

ii. Masalah Berjumpa Dengan Responden

Selalunya pengkaji tidak dapat berjumpa dengan responden pada sebelah pagi, ini ialah kerana kebanyakan nelayan pergi ke laut pada sebelah pagi kira-kira pukul lima atau enam pagi dan mereka hanya akan pulang pada kira-kira pukul sepuluh atau sebelas pagi. Oleh itu pengkaji hanya dapat melawat ke rumah mereka selepas mereka pulang dari laut tetapi pada masa ini sudah tentu mereka merasa letih dan ingin berehat. Maka tidak hairanlah pengkaji pernah berjumpa dengan nelayan yang tidak mahu disoal jawab, mereka menyuruh pengkaji pergi ke rumah lain kerana kata mereka kebanyakan penduduk di situ adalah nelayan. Apabila berjumpa dengan kes seperti ini, pengkaji tidak akan teragak-agak untuk beredar pergi dari situ untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku. Oleh kerana perkara ini jugalah pengkaji selalunya tidak

berani untuk duduk lama-lama berbual dengan responden walaupun mereka tidak menunjukkan keadaan yang tidak sabar tentang kehadiran pengkaji. Walau bagaimanapun untuk mengelakkan dari menimbulkan ketidaksabaran yang mungkin berlaku maka pengkaji telah cuba untuk mengemukakan pertanyaan dengan seberapa cepat yang mungkin agar masa perbualan dengan responden dapat disingkatkan. Oleh itu mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ada juga respon. Walau bagaimanapun secara keseluruhannya penduduk di Kuala Muda telah memberikan kerjasama yang baik kepada pengkaji. Pernah sekali pengkaji melawat ke rumah seorang nelayan dan didapati nelayan itu baru balik dari laut dimana badannya masih basah kuyup tetapi dia tidak merasa keberatan untuk disoal jawab oleh pengkaji. Kebanyakan mereka begitu senang dalam memberikan maklumat yang pengkaji ingin tahu. yang tepat kerana pengkaji tidak boleh bertanya berulang kali untuk mengelakkan dari menyinggung perasaan

iii. Maklumat Yang Kurang Jelas tentang makanan, banyak yang. Dari segi komunikasi, pengkaji merasa tidak ada masalah yang serius untuk berhubung dengan responden kerana pengkaji sendiri berasal dari perkampungan Melayu dan pengkaji agak fasih dalam berbahasa Melayu dan loghat Melayu daerah utara. Tetapi masalahnya di sini ialah responden-responen selalu memberikan keterangan yang kurang tepat, ini berlaku sama ada disengajakan oleh mereka atau tidak disengajakan. pengkaji sedang menyoal responden tetapi

Mereka yang sengaja memberikan keterangan dan maklumat yang kurang jelas mungkin disebabkan mereka menyangka bahawa pengkaji ialah pegawai kerajaan yang ingin mencungkil rahsia mereka. Bagi mereka yang memberikan maklumat yang kurang jelas dengan tidak sengaja mungkin disebabkan kebiasaan dan juga memang benar pendapatan dan kerja laut ini adalah berubah-ubah setiap bulan, oleh itu mereka tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Ada juga responden yang menyuruh pengkaji mengagak sendiri pendapatan mereka. Jika berlaku keadaan seperti ini maka pengkaji haruslah bertanya dengan berulang kali atau cuba mengubah cara pertanyanan seperti dengan menggunakan soalan yang 'indirect' untuk mendapatkan jawapan yang sebenar. Tetapi bagi soalan yang agak peribadi seperti berkenaan dengan harta benda dan simpanan, agak sukar untuk mendapatkan maklumat yang tepat kerana pengkaji tidak boleh bertanya berulang kali untuk mengelakkan dari menyinggung perasaan mereka. Selalunya bila ditanya tentang simpanan, banyak yang menjawab 'adalah sedikit', pengkaji terpaksa mengagak sendiri adakah 'adalah sedikit' itu bermakna memang sedikit ataupun banyak dalam konteks budaya mereka.

iv. Gangguan Dalam Masa Menyoal Gangguan-gangguan yang berlaku telah mengganggu kelicinan perjalanan kerja soal selidik. Gangguan ini berlaku pada masa pengkaji sedang menyoal responden tetapi

datang pula isteri responden itu memberikan jawapan. Kadang-kadang suami menjawab setengah daripada soalan-soalan itu dan isterinya pula menjawab soalan yang lain. Ada juga bagi satu soalan yang sama, jawapan yang diberi oleh suami dan isteri adalah masing-masing berlainan. Ada juga bila suami memberikan jumlah pendapatannya, isterinya pula datang memberitahu bahawa jumlah pendapatan yang diberitahu oleh suaminya adalah salah, katanya mereka sebenarnya tidak mendapat pendapatan sebanyak itu. Selain dari gangguan oleh isteri responden, gangguan dari kawan responden juga berlaku. Bila pengkaji menanya seorang responden, kawan di tepinya pula yang menjawab bagi pihaknya. Gangguan-gangguan seperti ini menjejaskan kesahihan data-data yang dikumpul. Untuk mengatasinya pengkaji terpaksa menanya balik semua soalan sekali lagi dan jika isteri atau kawannya yang masih lagi memberikan jawapan pada soalan yang ditanya, pengkaji terpaksa membiarkan begitu sahaja tanpa mengambil sebarang catitan tentang jawapan mereka. Pengkaji hanya mengambil kira jawapan-jawapan yang diberi oleh responden sahaja.

Di sebelah utara Butterworth, terdapat Sungai Muda. Walaupun gangguan-gangguan ini tidak menyenangkan, tetapi kadang-kadang ia juga membantu memberikan jawapan yang sebenarnya pada pengkaji. Pernah sekali pengkaji bertanya pada seorang responden adakah ia mempunyai tanah,

ia jawab tidak tetapi kawannya pula kata ada. Akhirnya responden itu mengaku ia ada tanah. Dengan secara tidak langsung, gangguan itu telah membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang sebenarnya. Tiga buah kampung besar iaitu Bakah Tua, Permatang Rawa dan Pulau Mertajam. Pengkaji hanya

v. Identiti Dan Fungsi Pengkaji

11. Ada setengah penduduk di situ kurang jelas tentang kedudukan pengkaji^{Yang sebenar. Mereka menanggapi pengkaji} sebagai agen kerajaan yang ingin memberi subsidi pada mereka. Tetapi bila pengkaji menjelaskan kedudukan dan fungsi kajian pengkaji yang sebenarnya, mereka tidak mahu lagi disoal jawab oleh pengkaji kerana kata mereka tidak ada sebarang faedah yang boleh mereka dapat dari kajian pengkaji. Untuk mengatasi masalah ini pengkaji terpaksa menjelaskan dengan panjang lebar kepentingan kajian pengkaji dan memberitahu mereka kerjasama mereka adalah amat penting pada pengkaji. Walaupun ada yang terus menolak untuk disoal jawab tetapi ramai juga yang akhirnya bersetuju untuk memberikan kerjasama.

1.8 TEMPAT KAJIAN

i. Muka Bumi

Di sebelah utara Butterworth, terdapat Sungai Muda yang memisahkan di antara daerah Seberang Prai dan Negeri Kedah. Kawasan Kuala Muda tempat kajian ini terletak di daerah Seberang Prai Utara, Butterworth iaitu ke sebelah Selatan Sungai Muda. Pantai di Kuala Muda ini adalah landai

dan dekat dengan gigi air yang dalam dengan itu membolehkan bot-bot nelayan berlabuh di tebingnya di waktu air pasang. Kuala Muda, dibahagi kepada dua mukim. Mukim A ialah Kuala Muda, mukim B terdiri dari tiga buah kampung besar iaitu Bakau Tua, Permatang Rawa dan Pulau Mertajam. Pengkaji hanya menjalankan kajian di Kuala Muda sahaja.

ii. Penduduk

iv. Jumlah penduduk di Mukim A, Kuala Muda ialah 4,818 orang. Di Mukim B, bagi Kampung Bakau Tua ialah 469 orang, Permatang Rawa ialah 358 orang dan Pulau Mertajam ialah 57 orang. Kesemua jumlah penduduk di Kuala Muda ialah 5,702 orang. Di Mukim A Kuala Muda, dari jumlah penduduk 4,818 orang lebih kurang 80% terdiri dari orang-orang Melayu dan 20% orang Cina. Bilangan nelayan yang berlesen ialah 515 nelayan Melayu dan 189 nelayan Cina, bilangan bot yang berlesen ialah 225. Dari jumlah 704 nelayan yang berlesen ini, lebih kurang 98% ialah nelayan tulin dan hanya 2% sahaja nelayan sambilan.

iii. Perhubungan Dan Pengangkutan

Kawasan Kuala Muda ini dihubungkan dengan kawasan-kawasan lain oleh jalanraya tar dan juga jalan tanah merah. Jalan-jalan ini berhubung dengan bandar dan perkampungan di sekeliling seperti Kampung Bakau Tua, Pulau Mertajam dan Permatang Rawa di sebelah timur dan juga Kampung Penaga hinggalah ke Butterworth di sebelah selatan. Dari segi

pengangkutan awam tidak ada masalah rumit kerana ada adalah perkhidmatan bas awam dari Butterworth dan Kepala Batas ke kawasan ini. Selain dari pengangkutan darat, penduduk di situ juga boleh menggunakan pengangkutan laut iaitu dengan menggunakan sampan, mereka dapat menyeberang ke Negeri Kedah di sebelah Utara melalui Sungai Muda.

iv. Kemudahan-Kemudahan Asas

Keadaan fizikal rumah-rumah di Kuala Muda kebanyakannya adalah kurang teratur dan rapat-rapat di antara satu sama lain. Kebanyakan rumah dibina dari papan dan ada yang sebahagian batu dan sebahagian papan. Ada juga yang lebih kaya dapat membina rumah dengan batu, dua tingkat dan besar pula.

Di sini, ada bekalan air paip dan elektrik dari kerajaan. Tetapi bukan semua keluarga dapat menikmati kemudahan ini kerana ada rumah yang tidak mampu untuk menggunakan bekalan elektrik. Walau bagaimanapun secara keseluruhan, masyarakat di Kuala Muda tidak menghadapi masalah besar dalam mendapatkan kedua-dua keperluan asas itu.

Dari segi peralatan dan perkakas rumah, didapati bahawa kebanyakan responden mempunyai perkakas rumah yang agak mahal, mereka juga mempunyai barang-barang mewah seperti televisyen, radio, kipas angin, malah ada yang mempunyai peti sejuk dan pita video. Tidak hairan juga bagi yang mampu untuk memiliki kereta motor. Dari sini kita dapat

bukti untuk mengatakan bahawa nelayan di Kuala Muda adalah berada dalam keadaan kehidupan yang sederhana. Kehadiran barang-barang mewah seperti televisyen, peti sejuk dan kipas angin dalam satu keluarga tidak semestinya menandakan keluarga itu kaya kerana barang-barang mewah ini dapat dimiliki dengan cara bayaran ansuran. Bila seseorang itu membeli dengan cara ansuran bermakna ia berhutang sejumlah wang tertentu pada tuan punya kedai perniagaan. Oleh itu sebelum menyatakan sesuatu dengan mutlak banyak perkara lain yang berkait dengan isu yang dikaji itu harus diteliti dan dikaji dahulu. Perbincangan dan penghuraian yang lebih mendalam mengenai kehidupan komuniti nelayan di Kuala Muda ini akan dibincangkan dalam bab yang akan datang.

rumah papan telah dibina dan dikhaaskan kepada penduduk

Kuala Di Kuala Muda terdapat sekurang-kurangnya lima buah kedai kopi dan lapan buah kedai runcit. Terdapat sebuah kedai kopi yang lengkap dengan pita video dan yang lain ada juga televisyen. Selalunya setelah nelayan itu pulang dari laut dan selepas mereka melelongkan ikan mereka, mereka tidak akan terus balik ke rumah tetapi akan singgah di kedai kopi. Mereka akan minum atau makan di kedai kopi. Pernah pengkaji bertanya pada seorang nelayan mengapa ia tidak mahu makan tengahari di rumahnya sendiri; jawapnya rumahnya terlalu panas hingga ia tidak lalu makan. Kerana aspek politik tidak dimasukkan dalam kajian ini maka ia tidak dikaji oleh pengkaji.

v. Kemudahan-Kemudahan Sosio Ekonomi

Banyak bantuan dan perkhidmatan disediakan oleh kerajaan kepada penduduk di Kuala Muda. Ada dua buah sekolah rendah di situ iaitu Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Muda yang mempunyai bangunan batu dua tingkat. Satu lagi ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Kuang Yu (Cina) yang mempunyai bangunan papan satu tingkat. Tetapi di sini tidak ada sekolah menengah, oleh itu bagi mereka yang sudah tamat sekolah rendah mereka harus pergi ke Penaga ataupun Butterworth untuk meneruskan pelajaran mereka.

Satu rancangan rumah murah juga dijalankan oleh kerajaan di sini di mana sebanyak lima puluh buah unit rumah papan telah dibina dan dikhaskan kepada penduduk Kuala Muda. Tetapi menurut maklumat yang diberi oleh penduduk di situ, cara pemilihan pemohon rancangan rumah murah itu adalah tidak adil kerana ia dipengaruhi oleh kuasa politik. Menurut mereka, sesiapa yang menjadi ahli parti UMNO akan mendapat rumah murah itu sedangkan pada hakikat yang sebenarnya mereka tidak layak kerana mereka sudah mempunyai rumah mereka sendiri. Pemohon dari ahli parti PAS pula dikatakan tidak akan dapat rumah murah itu walaupun mereka adalah pemohon yang layak. Sejauh mana kebenaran keadaan ini tidaklah diketahui, ini ialah kerana aspek politik tidak dimasukkan dalam kajian ini maka ia tidak dikaji oleh pengkaji.

vi. Satu lagi perkara yang timbul dari rancangan rumah murah ini ialah penduduk di situ merasakan yuran bayaran bulanan rumah murah itu adalah terlalu tinggi iaitu sebanyak \$85.00 sebulan. Jumlah ini belum lagi dicampur dengan bil elektrik dan air. Oleh itu kebanyakan nelayan yang memperolehi pendapatan bulanan yang tidak tetap itu merasakan tidak mampu untuk membayar yuran bulanan itu. Akibatnya banyak rumah yang masih kosong tidak dihuni oleh sesiapa pun dan ada rumah yang diberi pada penduduk dari kampung lain yang mampu untuk membayar yuran bulanan itu.

Ada juga penduduk yang baik hati yang mungkin bimbang atas Sebuah jambatan telah dibina oleh kerajaan untuk memudahkan nelayan mendaratkan ikan tangkapan mereka. Sebuah rumah api juga dibina untuk memudahkan nelayan yang pergi ke laut di waktu malam. Di bandar seperti penjudian dan penghisapan dadah telah menjalar masuk ke perkampungan nelayan. Untuk kemudahan komunikasi, penduduk di situ boleh menggunakan dua buah pondok talipon awam yang disediakan oleh kerajaan. Padang permainan untuk orang dewasa dan kanak-kanak juga disediakan oleh kerajaan.

Di Kuala Muda juga ditubuhkan Persatuan Gerakan Belia Cawangan Kuala Muda dan juga ada cawangan parti UMNO. Mereka ketinggalan dalam mendapat program-program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

vi. Masalah Sosial

BAB II

Terdapat sebuah pondok polis di situ. Mengikut pegawai yang bertugas di situ, jenayah jarang berlaku; dalam sebulan mungkin ada dua atau tiga kes kecurian sahaja. Tetapi dari pemerhatian pengkaji dan maklumat yang diberi oleh penduduk di situ, kes-kes seperti penjudian dan penghisapan dadah ada berlaku di situ. Pengkaji sendiri pernah nampak sekumpulan pemuda berkumpul di belakang pondok sedang bermain judi. kadar kemiskinan di sektor perkampungan ialah 45.3% pada tahun 1990. Sementara itu sektor lain iaitu pekebun. Ada juga penduduk yang baik hati yang mungkin bimbang atas keselamatan diri pengkaji, telah memberi amaran pada pengkaji supaya jangan pergi ke kawasan-kawasan tertentu yang menurut mereka selalu dikunjungi oleh penagih dadah. Nampaknya masalah sosial di bandar seperti penjudian dan penghisapan dadah telah menjalar masuk ke perkampungan nelayan ini dan ini menunjukkan kepada kita bahawa penduduk di situ mempunyai perhubungan dan interaksi sosial yang rapat dengan penduduk di bandar besar yang berhampiran dengannya.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya Kuala Muda ialah satu perkampungan nelayan yang agak maju dan tidak ketinggalan dalam mendapat program-program pembangunan luar bandar yang dilaksanakan oleh kerajaan.

BAB II

TEORI DAN STRATEGI PEMBANGUNAN

2.1 KEDUDUKAN SEKTOR PERIKANAN

Sektor perikanan sejak dari dahulu lagi hingga masa kini masih lagi merupakan salah satu sektor yang termiskin jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain dalam bidang pertanian dan bidang bukan pertanian. Jadual 2.1 di sebelah menunjukkan kadar kemiskinan di sektor perikanan ialah 45.3% pada tahun 1980. Sementara itu sektor lain iaitu pekebun kecil kelapa sawit hanya mempunyai kadar kemiskinan sebanyak 7.8%, pekebun kecil kelapa pula hanya 39.0% dan pekerja ladang ialah 35.1%. Daripada perbandingan ini, menunjukkan kadar kemiskinan di komuniti nelayan ialah satu masalah serius yang memerlukan perhatian dan penyelesaian dari pihak kerajaan.

	KADAR	PERATUS DI
Perikanan	45.3	45.3
Pekebun kecil kelapa sawit	7.8	7.8
Pekebun kecil kelapa	39.0	39.0
Pekerja ladang	35.1	35.1
Komuniti nelayan	45.3	45.3
Perdagangan	32.6	11.1
Pembinaan	301.1	55.4
Pembinaan	56.3	12.0
Pengangkutan dan kemudahan awam	137.2	31.5
Perdagangan dan perkhidmatan	793.6	112.4
Jumlah kecil	1,320.8	222.4
Jumlah	2,284.0	666.1
		29.2
		100.0

SUMBER : RANCANGAN MALAYSIA KEMPAT, MUKA SURAT 38.

2.2 KEPENTINGAN SEKTOR JADUAL 2.1

SEMENANJUNG MALAYSIA : KADAR KEMISKINAN MENGIKUT

pada tahun 1980 dalam sektor SEKTOR, 1980 peranan sektor ini

	JUMLAH ISIRUMAH (000)	JUMLAH ISIRUMAH MISKIN (000)	KADAR KEMISKINAN (%)	PERATUS DI KALANGAN ISIRUMAH MISKIN (%)
PERTANIAN				
Pekebun kecil getah	425.9	175.9	41.3	26.4
Pekebun kecil kelapa sawit	24.6	1.9	7.8	0.3
Pekebun kecil kelapa	34.2	13.3	39.0	2.0
Penanam padi	151.0	83.2	55.1	12.5
Petani lain	172.2	110.5	64.1	16.6
Nelayan.	42.8	19.4	45.3	2.9
Pekerja ladang	112.5	39.5	35.1	5.9
Jumlah kecil	963.2	443.7	46.1	66.6
BUKAN PERTANIAN				
Perlombongan	32.6	11.1	34.0	1.7
Pembuatan	301.1	55.4	18.4	8.3
Pembinaan	56.3	12.0	21.3	1.8
Pengangkutan dan kemudahan awam	137.2	31.5	23.0	4.7
Perdagangan dan perkhidmatan	793.6	112.4	14.2	16.9
Jumlah kecil	1,320.8	222.4	16.8	33.4
JUMLAH	2,284.0	666.1	29.2	100.0

SUMBER : RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, MUKA SURAT 38.

Pembangunan, Kementerian Pertanian ialah seperti berikut :-

2.2 KEPENTINGAN SEKTOR PERIKANAN

Walaupun kadar kemiskinan setinggi sebanyak 45.3% pada tahun 1980 dalam sektor ini, tetapi peranan sektor ini tidak juga kurang pentingnya dalam ekonomi negara. Tiga peranan utama yang dimainkan oleh sektor ini ialah:-

i. Sektor ini menyediakan keperluan makanan yang berkhasiat. Ikan merupakan sumber protin yang utama dan murah kepada penduduk tempatan.

ii. Sektor ini membolehkan pertukaran wang asing. Sumber laut yang diperolehi dari perairan Malaysia setiap tahun selalunya mempunyai kelebihan untuk diekspot ke negara asing. Dalam tahun 1974, jumlah bersih eksport sektor perikanan ialah sejumlah \$166,276 juta.

iii. Sektor ini menyediakan peluang pekerjaan. Pada tahun 1974, sektor ini memberi pekerjaan kepada seramai 73,304 nelayan ataupun sektor ini telah menampung sebanyak 4.77% daripada jumlah tenaga buruh aktif dalam bidang pertanian pada tahun 1974.

2.3 MASALAH-MASALAH SEKTOR PERIKANAN

Sama seperti sektor-sektor yang lain, sektor perikanan juga menghadapi beberapa masalah yang sukar diatasi. Antara masalah-masalah yang digariskan oleh Jabatan Perancang dan Pembangunan, Kementerian Pertanian ialah seperti berikut :-

i. Masalah 'over- exploitation' atau penangkapan yang berlebihan telah berlaku dalam lingkungan perairan 12 batu dari pantai, sebaliknya di perairan luar daripada lingkungan 12 batu ini boleh dikatakan tiada langsung kegiatan penangkapan ikan dilakukan. Kalau adapun amat terhad sekali.

telah mengadakan satu strategi pembangunan untuk sektor

ii. Kebanyakan nelayan masih dapat digolongkan dalam golongan nelayan tradisional yang menggunakan alat dan cara tradisi dalam penangkapan mereka, akibatnya hasil yang didapati adalah sedikit tetapi kosnya tinggi.

iii. Wujud masalah sosio-ekonomi dan politik dalam sektor perikanan. Sektor ini merupakan satu sektor yang miskin dan banyak berlaku guna tenaga tidak penuh.


Masalah-masalah seperti menentukan kawasan atau sempadan perairan bagi nelayan-nelayan di daerah-daerah yang berlainan. Penentuan sempadan yang kurang jelas telah mengakibatkan banyak pergaduhan berlaku di kalangan nelayan tempatan. Begitu juga wujud masalah dalam menentukan dan menetapkan kawasan perairan dengan negara asing, akibatnya kejadian pencerobohan sering berlaku sama ada oleh nelayan kita sendiri ataupun oleh nelayan asing.

iv. Masalah institusi dalam sektor perikanan seperti institusi kredit, modal dan pemasaran ikan.

v. Masalah keselamatan yang berkait dengan kejadian lanun dan penyeludupan.


2.4 STRATEGI PEMBANGUNAN SEKTOR PERIKANAN.

Dengan wujudnya masalah-masalah seperti ini, kerajaan telah mengadakan satu strategi pembangunan untuk sektor perikanan ini dengan tujuan untuk membangunkan sektor ini dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Sila perhatikan gambarajah 2.2 di sebelah yang menunjukkan strategi pembangunan kerajaan untuk sektor perikanan ini.



GAMBARAJAH 2.2

PEMBANGUNAN PERIKANAN : RINGKASAN DASAR STRATEGI



SUMBER : BAHAGIAN PERANCANG DAN PEMBANGUNAN,
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA.

Secara ringkasnya polisi dan objektif kerajaan ialah:-

- i. Mempertingkatkan hasil penangkapan ikan untuk menampung keperluan tempatan dan untuk diekspot, disamping ini juga berusaha untuk menjaga sumber-sumber laut supaya tidak berlaku ketandusan sumber laut.
- ii. Memperbaiki dan memajukan cara penangkapan ikan demi untuk mencapai kecekapan yang maksima.
- iii. Menggalakkan industri-industri lain yang berkaitan dengan sektor perikanan seperti pembinaan bot dan memproses ikan, contohnya industri membuat belacan dan cencaluk.
- iv. Mempertingkatkan kecekapan dalam sistem pasaran supaya berlaku adil pada nelayan tulin yang benar-benar pergi menangkap ikan dan mewujudkan harga yang munasabah bagi pengguna.
- v. Menggalakkan perikanan laut dalam.
- vi. Menggalakkan perikanan air tawar.
- vii. Memperbaiki taraf hidup mereka yang terlibat dalam sektor perikanan.

2.5 Dengan wujudnya strategi-strategi yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan nelayan khususnya nelayan tradisional, tetapi ternyata tidak banyak membawa kemajuan, masalah-masalah dan kesulitan sering menemani sektor perikanan itu hingga sekarang. Maka dengan itu sudah ternyata kepada kita bahawa terdapat sesuatu kepincangan sama ada dalam dasar dan pelaksanaan rancangan pembangunan kerajaan. Selalunya masalah-masalah yang wujud itu mempunyai pertalian atau saling kait mengait di antara satu sama lain, jadi jika masalah-masalah itu dipisahkan dan cuba diselesaikan dengan cara yang berlainan maka sudah tentu ia tidak akan berjaya malah mungkin akan menimbulkan masalah yang baru pula.


dan strategi penyelesaian masalah itu oleh Tan E. Bait.

Contohnya jika penangkapan sudah lebih dari hadnya atau sudah 'over-exploitation' dan hasil penangkapan mulai menurun sehingga akhirnya taraf hidup di kalangan nelayan juga terjejas. Tetapi jika cara penyelesaian yang dipegang untuk meninggikan taraf hidup nelayan ialah dengan memberikan alat penangkapan ikan yang baru yang lebih cekap dengan tujuan meninggikan hasil penangkapan. Sudah tentu usaha itu tidak akan membawa apa-apa perubahan malah akan memburukkan lagi keadaan yang sedia ada dimana anak-anak ikan yang tidak bernilai juga akan habis ditangkap.

2.5 RANGKA TEORI

Menurut Ian R. Smith,¹ masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan tradisional adalah saling berkaitan dan pengaruh mempengaruhi di antara satu sama lain. Masalah-masalah itu tidak dapat dipisahkan untuk diselesaikan dengan cara persendirian. Beliau telah memberikan satu teori berkenaan dengan masalah taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan dan juga telah memberikan cara penyelesaian untuk masalah itu.

Sila rujuk jadual di sebelah untuk melihat teori taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional dan strategi penyelesaian masalah itu oleh Ian R. Smith.




SUMBER : IAN R. SMITH, A RESEARCH FRAMEWORK FOR TRADITIONAL FISHERIES.

The International Center For Living Aquatic Resources Management, Manila, Philippines, 1979.

GAMBARAJAH 2.3

MASALAH EMPIRIKAL NELAYAN TRADISIONAL



SUMBER : IAN R. SMITH, A RESEARCH FRAMEWORK FOR TRADITIONAL FISHERIES.

The International Center For Living Aquatic Resources Management, Manila, Philippines. 1979.

Menurut Ian R. Smith masalah taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan adalah disebabkan oleh lima punca utama yang saling berkaitan di mana satu masalah yang wujud boleh membawa atau mewujudkan masalah yang lain. Kelima punca yang mengelilingi masalah taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional ialah :-

- i. Masalah hak milik dimana kebanyakan nelayan tidak mempunyai alat kelengkapan dan bot sendiri dan ini mungkin disebabkan kekurangan modal. Dalam kegiatan penangkapan ikan mereka. Begitulah keadaan nelayan itu akan sentiasa berada
- ii. Akibat sebagai nelayan upahan dan kekurangan modal, perikanan laut dalam tidak dapat dijalankan. Ini boleh menyebabkan masalah penangkapan berlebihan di perairan pantai.

Cara penyelesaian yang diberi oleh Ian R. Smith seperti

- iii. Masalah penangkapan berlebihan boleh menyebabkan pendapatan menurun, keadaan menjadi lebih buruk jika tidak ada peluang pekerjaan dari sektor lain. Masalah guna tenaga tidak penuh akan berlaku yang akhirnya akan menjejaskan taraf hidup. Banyakkan alat penangkapan dan bot-bot baru yang lebih cekap serta memperbaiki pemasaran ikan dan memperkenalkan
- iv. Masalah akan bertambah buruk jika nelayan tidak ada kuasa dalam pemasaran hasil penangkapan mereka sendiri yang sudah terhad itu. Kekurangan kuasa akan memberi kesempatan kepada golongan tertentu untuk menjalankan pemerasan dan penindasan. Akan usaha dalam sektor perikanan dan menyediakan

v. Taraf hidup yang rendah akan bertambah buruk jika keadaan inflasi berlaku yang boleh menyebabkan nelayan tidak mampu untuk mendapatkan keperluan asasi mereka dan akhirnya kehidupan yang melarat dan miskin akan wujud.

Jelas kepada kita masyarakat yang hidup dalam keadaan miskin dan menghadapi masalah untuk mendapatkan keperluan asasi mereka sudah tentu tidak akan mempunyai wang yang lebih untuk dijadikan modal dalam kegiatan penangkapan ikan mereka. Begitulah keadaan nelayan itu akan sentiasa berada dalam tahap taraf hidup yang rendah akibat tidak dapat keluar daripada pusingan masalah-masalah yang dihadapinya.

2.6 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH

Cara penyelesaian yang diberi oleh Ian R. Smith seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 2.4 di sebelah ialah :-

i. Meningkatkan pulangan yang didapati oleh nelayan seperti meningkatkan hasil penangkapan, meningkatkan harga pasaran ikan atau menurunkan kos penangkapan. Cara perlaksanaannya ialah memperbanyakkan alat penangkapan dan bot-bot baru yang lebih cekap serta memperbaiki pemasaran ikan dan memperkenalkan teknologi baru dalam bidang perikanan. ATAU

ii. Meningkatkan pendapatan nelayan daripada sumber pendapatan yang lain. Cara perlaksanaannya ialah mengurangkan atau menghadkan usaha dalam sektor perikanan dan menyediakan

lebih peluang pekerjaan daripada sektor lain.

dalam menyelesaikan masalah taraf hidup yang rendah di

kalangan nelayan tradisional

GAMBARAJAH 2.4

1. Menentukan PENYELESAIAN YANG MUNASABAH

memperkenalkan alat kelengkapan dan bot yang baru dan cekap

serta dengan teknologi yang

mendapat

(meningkatkan hasil penangkapan, meninggikan harga atau mengurangkan kos.)

ATAU

Menambahkan pendapatan dari sumber baru.

Meninggikan
pemilikan bot
dan alat
kelengkapan.

K

A

E

D

A

H

Menghadkan
usaha
penangkapan
ikan.

Memperbaiki
pasaran dan
meninggikan
teknologi.

Mewujudkan
peluang
pekerjaan
lain.

SUMBER : IAN R. SMITH, A RESEARCH FRAMEWORK FOR TRADITIONAL FISHERIES.

The International Center For Living
Aquatic Resources Management,
Manila, Philippines, 1979.

Nota Ringkasnya penyelesaian yang diberi oleh Ian R. Smith dalam menyelesaikan masalah taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional ada dua iaitu :-

i. Meneruskan perlibatan dalam sektor perikanan dengan memperkenalkan alat kelengkapan dan bot yang baru dan cekap

serta dengan teknologi yang tinggi dengan tujuan untuk

i. Biologiikal - masalah yang tergolong dalam ini ialah mendapatkan pulangan yang maksima setelah ditolak kos.

ii. Teknologikal - cara dan kaedah penangkapan yang kurang cekap seperti penggunaan alat tradisional, kaedah baru dengan teknologi baru dan kecakapan yang tinggi boleh bawa

ii. Menarik diri dari sektor perikanan dan mencari pekerjaan yang lebih baik dalam sektor yang lain yang lebih maju dan dapat memberikan pendapatan yang lebih lumayan.

Teori mengenai masalah taraf hidup yang rendah oleh Ian R. Smith dan kaedah penyelesaian yang disarankan oleh beliau itu akan digunakan sebagai panduan untuk menganalisa

dan menghuraikan kaedah sosio-ekonomi di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda, di bab yang akan datang.

Ringkasnya menurut Smith, masalah-masalah dalam ketiga-tiga aspek itu harus diambil kira dalam pengubalan dasar strategi pembangunan, barulah sesuatu masalah itu dapat diselesaikan hingga ke akar umbinya.

Nota Bab II

(1) Ian R. Smith, A Research Framework For Traditional Fisheries. The International Center For Living Aquatic Resources Management, Manila, Philippines, 1979.

Smith menyatakan bahawa masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan tradisional dapat digolongkan dalam tiga aspek utama iaitu :-

- i. Biologikal - masalah yang tergolong dalam ini ialah seperti kualiti sumber laut, pembiakan dan pencemaran sumber laut, masalah penangkapan berlebihan dan lain-lain.
- ii. Teknologikal - cara dan kaedah penangkapan yang kurang cekap seperti penggunaan alat tradisional, kaedah baru dengan teknologi baru dan kecekapan yang tinggi boleh bawa kepada masalah penangkapan berlebihan, cara dan kaedah penangkapan yang merbahaya seperti penggunaan racun atau penggunaan elektrik.
- iii. Sosio-ekonomi - masalah kejahilan, kemiskinan, penindasan, pemasaran, pengaruh politik dan lain-lain.

Menurut Smith, masalah dalam ketiga aspek ini iaitu biologikal, teknologikal dan sosio-ekonomi mempunyai hubungan sebab musabab dimana satu boleh menyebabkan satu yang lain. Jika dasar strategi hanya bertujuan untuk menyelesaikan masalah dalam aspek biologikal sahaja tanpa menitikberatkan masalah dalam aspek teknologikal dan sosio-ekonomi maka strategi itu akan menghadapi kegagalan dalam percubaannya untuk meningkatkan taraf hidup mereka yang terlibat.

Ringkasnya menurut Smith, masalah-masalah dalam ketiga-tiga aspek itu harus diambil kira dalam pengubalan dasar strategi pembangunan, barulah sesuatu masalah itu dapat diselesaikan hingga ke akar umbinya.

BAB III

KEADAAN SOSIO-EKONOMI KOMUNITI NELAYAN

DI KUALA MUDA

Dalam bab yang lepas, teori Ian R. Smith, menunjukkan bahawa terdapat lima punca ataupun ciri utama yang saling berkaitan dalam menyebabkan keadaan taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional. Kelima-lima ciri itu ialah:-

- i. Hak milik;
- ii. Penangkapan berlebihan;
- iii. Peluang pekerjaan;
- iv. Kuasa pemasaran dan
- v. Inflasi.

JADUAL 3.1

	CINA	BILANGAN	PERATUS
iv. Kuasa pemasaran dan	10	29	58
v. Inflasi.			

Teori Smith ini boleh digunakan untuk menghuraikan taraf hidup atau keadaan sosio-ekonomi di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda. Didapati bahawa kelima-lima ciri itu wujud dalam masyarakat nelayan di situ dan ciri-ciri itulah yang membentuk keadaan sosio-ekonomi yang dilihat dan dikaji oleh pengkaji.

Semenanjung Malaysia, jika dilihat dari segi geografi, didapati nelayan-nelayan di pantai barat adalah lebih

3.1 HAK MILIK

Seramai 50 responden telah ditemui oleh pengkaji, mereka itu terdiri daripada 38 nelayan Melayu dan 12 nelayan Cina. Tidak ada responden India yang ditemui. Dari 38 nelayan Melayu, 19 daripadanya adalah usaha sendiri iaitu yang mempunyai bot sendiri dan mengusahakannya sendiri. 19 nelayan

yang lain bukan usaha sendiri atau lebih biasa dipanggil sebagai awak-awak. Awak-awak ialah golongan yang semata-mata bekerja di atas bot yang tidak mempunyai sebarang hak atau saham ke atas bot tersebut. Daripada jumlah 12 nelayan Cina pula, 10 daripadanya adalah usaha sendiri dan 2 nelayan yang lain ialah awak-awak. Sila rujuk jadual di bawah yang menunjukkan kedudukan hak milik responden-responden.

JADUAL 3.1

KEDUDUKAN HAK MILIK RESPONDEN-RESPONDEN

HAK MILIK	MELAYU	CINA	BILANGAN	PERATUS
Usaha sendiri	19	10	29	58
Bukan usaha sendiri	19	2	21	42
JUMLAH : 50 orang				100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Semenanjung Malaysia, jika dilihat dari segi geografi, didapati nelayan-nelayan di pantai barat adalah lebih bernasib baik daripada nelayan di pantai timur. Ini adalah kerana di pantai barat kegiatan perikanan dapat dijalankan sepanjang tahun tetapi tidak begitu di pantai timur. Di sana kegiatan perikanan hanya dapat dijalankan pada bulan April hingga September sahaja. Bulan-bulan mulai November hingga

March adalah musim tengkujuh yang menghalang kegiatan perikanan kerana laut yang bergelora dan ombak yang kuat adalah merbahaya kepada bot-bot nelayan. Juga dari segi sejarah, dimana pantai barat memang lebih awal dibangunkan daripada pantai timur dengan segala kemudahan penangkutan, komunikasi dan ciri-ciri lain yang sedang giat dibangunkan menyebabkan pada keadaan keseluruhannya nelayan-nelayan di pantai barat lebih maju dari nelayan di pantai timur.

JADUAL 3.2

Begitu juga keadaannya di Kuala Muda dimana daripada 50 responden yang ditemui, 29 daripadanya berjaya untuk memiliki bot penangkapan mereka sendiri dan 21 nelayan yang lain itu ialah awak-awak. Walau bagaimanapun kita tidak harus salah anggap bahawa semua nelayan yang berusaha sendiri itu adalah lebih baik daripada yang bukan usaha sendiri. Mereka yang memiliki bot sendiri mungkin akan memperolehi hasil pendapatan yang lebih banyak daripada mereka yang menjadi awak-awak. Tetapi kita harus sedar bahawa kos dan modal yang mereka tanggung itu adalah jauh lebih tinggi daripada yang harus ditanggung oleh seorang awak-awak.

memerlukan modal yang banyak di antara \$80,000-\$100,00

MODAL TETAP

Untuk berusaha sendiri dengan memiliki bot dan alat kelengkapan yang sesuai bukanlah satu perkara yang mudah, ini adalah kerana ia memerlukan modal yang banyak. Seseorang itu harus mempunyai simpanan yang banyak, kalau tidak ia

harus membuat pinjaman yang banyak untuk membeli bot dan alat kelengkapan. bot itu digunakan. Nilai yang jauh lebih

tinggi harus diperlukan untuk mempunyai bot yang baru serta alat kelengkapan yang baru. Kamaruddin M. Said¹ dalam kajiannya berkenaan dengan perubahan sosio-ekonomi nelayan di Kuala Perlis telah memberikan data mengenai modal yang harus diperolehi oleh seseorang nelayan. Sila rujuk jadual di bawah.

mendapatkan pinjaman dari bank dan badan pinjaman yang lain. Tetapi bukanlah mudahnya untuk membuat pinjaman dari pihak bank.

JADUAL 3.2

ANGGARAN KOS KELENGKAPAN PENANGKAP IKAN

BOT DAN KELENGKAPAN	KOS
Sebuah bot (berat 35-40 tan)	\$20,000-\$30,000
Jentera bot	\$40,000-\$45,000
Pukat yang lengkap	\$20,000-\$30,000
Jentera penarik.	-\$ 2,000

SUMBER : Daripada kajian oleh Kamaruddin M. Said berkenaan dengan perubahan sosio-ekonomi nelayan di Kuala Perlis.

ke atas tanah dan rumah yang boleh dijadikan sebagai cagaran. Oleh sebab itu tidak ramai nelayan yang akan mendapat

Daripada jadual itu jelas kepada kita bahawa untuk memiliki sebuah bot baru dengan kelengkapannya seseorang itu memerlukan modal yang banyak di antara \$80,000-\$100,00 ke atas. Kos dan nilai sebuah bot yang lengkap dengan enjin dan pukat daripada kajian di Kuala Muda ialah antara \$1,000-\$15,000. Nilai ini adalah kecil kalau dibanding dengan nilai yang diberi oleh Kamaruddin M. Said. Nilai yang kecil ini adalah kerana responden-responden memberikan nilai

pada bot dan alat kelengkapannya setelah ditolak susut nilai kerana sudah lama bot itu digunakan. Nilai yang jauh lebih tinggi harus diperlukan untuk mempunyai bot yang baru serta alat kelengkapan yang baru. Tidak mungkin bagi seorang yang melibatkan diri dalam kegiatan perikanan akan mempunyai modal sebanyak itu dari kerja lautnya kecuali dia sudah mempunyai simpanan sebelum itu dari kerja lain ataupun dia mendapatkan pinjaman dari bank dan badan peminjam yang lain. Tetapi bukanlah mudah untuk membuat pinjaman dari pihak bank kerana syarat yang dikenakan adalah ketat dan jarang dapat dipenuhi oleh nelayan. Pinjaman bank memerlukan cagaran harta tetap seperti cagaran tanah dan rumah, pinjaman juga memerlukan penjamin dan saksi.

29	21
----	----

Masyarakat nelayan yang sudah bergenerasi dikenali sebagai masyarakat yang miskin, maka tidak hairanlah kalau kita dapati tidak ramai nelayan yang mempunyai hak milik ke atas tanah dan rumah yang boleh dijadikan sebagai cagaran. Oleh sebab itu tidak ramai nelayan yang akan mendapat pinjaman dari bank. Keadaan ini memang wujud dan boleh dilihat dari data yang dikumpul di Kuala Muda. Dari 29 usaha sendiri hanya 7 sahaja yang membuat pinjaman dari bank. Lima daripadanya mendapat pinjaman dari Bank Pertanian, seorang mendapatnya dari Malayan Banking dan seorang lagi ialah dari Pinjaman Mara.

... yang umurnya 34 tahun ke atas. Bagi ... yang bekerja sebagai seek-avek pula, keadaan yang

Mereka yang tidak membuat pinjaman dari bank, mendapat modal mereka daripada simpanan sendiri, pinjaman saudara mara dan ada juga yang mengadaikan barang kemas untuk mendapatkan wang tunai. Mereka yang ada simpanan serba sedikit untuk dijadikan modal adalah mereka yang sudah agak lanjut usianya yang sudah lama mengerjakan kerja laut dan bukan mereka yang masih muda yang baru melibatkan diri dalam kegiatan perikanan. Di bawah diturunkan jadual mengenai perbezaan umur mereka yang berusaha sendiri dan mereka yang bukan usaha sendiri.

JADUAL 3.3

UMUR RESPONDEN-RESPONDEN

UMUR RESPONDEN	TAHUN						JUMLAH
	18-25	26-33	34-41	42-49	50-57	58-65	
USAHA SENDIRI	0	0	10	8	7	4	29
BUKAN USAHA SENDIRI	4	3	4	8	1	1	21
JUMLAH RESPONDEN : 50 ORANG							

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Daripada jadual itu kelihatan kepada kita bahawa mereka yang menjalankan kegiatan perikanan secara usaha sendiri adalah mereka yang umurnya 34 tahun ke atas. Bagi mereka yang bekerja sebagai awak-awak pula, keadaan yang

sebaliknya berlaku. Ini membuktikan kepada kita bahawa \$3.00 bukanlah mudah untuk berusaha sendiri walaupun keinginan atau hasrat untuk berusaha sendiri itu ada, tetapi modal tidak ada atau tidak cukup maka terpaksa bekerja sebagai awak-awak. Pendapatan ini adalah berdasar pada sistem

'panggu'. Panggu di sini bermakna 'share' atau bahagian.

MODAL PUSINGAN HARIAN pemilik bot itu akan mendapat bahagian yang Bot dan kelengkapan ialah modal tetap bagi seorang pemilik, untuk menjalankan kegiatan menangkap ikan, pemilik itu terpaksa juga menanggung modal pusingan harian setiap kali mereka ke laut. Banyak atau kurangnya jumlah modal satu pusingan harian adalah bergantung kepada jenis bot sama ada besar atau kecil, bot yang besar dan beratnya yang lebih akan menggunakan minyak yang banyak kerana enjinnya adalah berbeza dimana kuasa kudanya lebih tinggi daripada enjin dalam bot yang kecil. Jika bot itu pergi ke laut dalam selama beberapa hari, ais batu diperlukan untuk membekukan ikan-ikan. Begitu juga belanja makan setiap hari di laut juga harus ditanggung oleh pemilik ataupun kalau belanja makan tidak ditanggung oleh pemilik, pemilik akan memberi upah harian atau upah 'sekali air' kepada awak-awak yang bekerja dengannya.

di perukaan air sahaja, juruselam itu dapat mengetahui apa jenis Upah 'sekali air' ini bermakna upah hanya akan diberi pada hari-hari yang turun ke laut sahaja, jika hari tidak turun ke laut maka upah tidak akan diberi oleh majikan atau pemilik bot pada awak-awaknya. Jumlah yang biasa diberi oleh

majikan dalam upah 'sekali air' ini ialah antara \$2.00-\$3.00 sahaja. Kemudian apabila hasil penangkapan didaratkan dan dijual, keuntungan yang didapati selepas menolak semua kos perbelanjaan akan dibahagikan diantara majikan dan awak-awaknya. Pembahagian pendapatan ini adalah berdasar pada sistem 'panggu'. Panggu di sini bermakna 'share' atau bahagian. Biasanya majikan atau pemilik bot itu akan mendapat bahagian yang lebih daripada awak-awaknya. Contohnya jika tuan punya bot hanya mengupah seorang awak-awak sahaja untuk menolongnya maka keuntungan bersih itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Tuan punya bot akan mendapat dua bahagian dan satu bahagian lagi diberi pada awak-awak.

Dalam bot yang besar dimana ramai awak-awak bekerja sekali, maka pembahagian pendapatan kepada awak-awak adalah berdasar kepada perbezaan tugas awak-awak itu. Mereka yang bertugas sebagai juruselang akan mendapat pembahagian yang lebih daripada awak-awak yang bertugas untuk menangkut barangan sahaja. Ini adalah kerana tugas juruselang itu adalah penting kerana dialah yang menentukan di mana adanya ikan dan bila harus melabuhkan pukuk. Dengan cara mendengar di permukaan air sahaja, juruselang itu dapat mengetahui apa jenis ikan di dalam air itu, berapa banyak dan berapa besar saiz ikan itu. Oleh itu penangkapan adalah berdasar pada kecekapan juruselang maka adalah wajar juruselang itu mendapat bahagian yang lebih daripada awak-awak lain.

Kadang kala bila hasil penangkapan merosot, majikan akan menghadapi kerugian kerana kos perbelanjaan melebihi keuntungan ataupun keuntungan yang didapati hanya cukup untuk kos perbelanjaan sahaja. Begitu juga dengan awak-awak, jikalau hasil penangkapan merosot, jumlah pembahagian yang mereka dapati juga merosot. Apa yang mereka dapati adalah tidak setimpal dengan usaha yang telah mereka keluarkan. Juga untuk seorang pemilik bot, selain dari menanggung modal tetap dan modal pusingan, ia juga harus menanggung kos-kos yang lain seperti kos unjang untuk ikan, kos minyak tanah yang digunakan untuk menyalakan lampu di atas bot di sebelah malam. Selain dari itu ia juga harus menanggung perbelanjaan untuk membaiki bot, enjin dan pukut yang rosak dari semasa ke semasa.

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

PENDAPATAN

Dengan berbagai tanggungan atau kos yang terpaksa ditanggung, tidak mudahlah bagi seorang nelayan awak-awak untuk bertukar menjadi seorang pemilik. Untuk seorang pemilik pula, keadaannya bertambah rumit bila tanggungan dan bebanannya bertambah apabila ia mendirikan rumahtangga. Di sebelah ditunjukkan jadual 3.4 yang menunjukkan pendapatan bulanan responden-responden. Majoriti iaitu sebelas orang darinya mendapat pendapatan

antara \$201.00-\$300.00 JADUAL 3.4 ini menunjukkan bahawa kehidupan PENDAPATAN BULANAN RESPONDEN-RESPONDEN

PENDAPATAN BULANAN (RINGGIT)	USAHA SENDIRI (BILANGAN)	BUKAN USAHA SENDIRI (BILANGAN)	JUMLAH BILANGAN	PERATUS %
\$100. ke bawah	0	1	1	2
101 - 200	1	5	6	12
201 - 300	11	11	22	44
301 - 400	6	3	9	18
401 - 500	5	0	5	10
501 - 600	2	0	2	4
601 - 700	0	1	1	2
701 - 800	2	0	2	4
801 - 900	0	0	0	0
901 - 1000	1	0	1	2
1000 ke atas	1	0	1	2
JUMLAH : 50 ORANG				100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Daripada jadual di atas, menunjukkan mereka yang berusaha sendiri itu mendapat pendapatan bulanan yang lebih tinggi daripada yang bukan usaha sendiri. Terdapat 6 orang dari yang usaha sendiri itu mendapat pendapatan bulanan antara \$301.00-\$400.00, lima orang mendapat antara \$401.00-\$500.00 dan ada empat orang yang mendapat pendapatan \$800.00 ke atas. Sementara yang bukan usaha sendiri, tidak ada seorang pun yang mendapat pendapatan bulanan \$800.00 ke atas. Majoriti iaitu sebelas orang darinya mendapat pendapatan

antara \$201.00-\$300.00 sebulan. Dari sini ia menunjukkan bahawa kehidupan mereka yang bukan usaha sendiri adalah kurang baik jika dibanding dengan yang usaha sendiri.

Secara keseluruhannya, majoriti responden (usaha sendiri dan bukan usaha sendiri) iaitu sebanyak 62% mendapat pendapatan bulanan di antara \$200.00-\$400.00 sebulan. Tetapi kita harus sedari bahawa pendapatan yang diperolehi oleh nelayan tiap bulan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.4 bukanlah pendapatan yang tetap seperti mereka yang makan gaji. Kegiatan menangkap ikan ini adalah tidak tetap, dalam sebulan tidak bererti mereka akan pergi ke laut setiap hari. Pada hari-hari yang berombak dan cuaca yang kurang baik atau pada musim-musim tertentu mereka tidak dapat turun ke laut. Dalam sehari, mereka hanya ke laut sekali sahaja, ada yang pergi pada subuh pagi dan balik tengah hari, ada pula yang pergi pada sebelah petang dan pulang subuh pagi. Jumlah hari yang biasa mereka turun ke laut ialah minimanya limabelas hari dan maksimanya dua puluh lima hari sahaja. Hasil penangkapan mereka juga berbeza-beza tiap hari, mereka akan mendapat keuntungan jika reziki banyak tapi akan menghadapi kerugian jika reziki merosot. Oleh kerana keadaan yang tidak tetap ini akibat bergantung pada reziki dari laut, maka dengan itu pendapatan bulanan mereka juga berubah-ubah tiap bulan dan ia tidak pernah tetap sepanjang tahun.

BANTUAN KERAJAAN

Dengan mengetahui keadaan seperti inilah kerajaan telah menjalankan strategi untuk membantu dan bertujuan meringankan beban nelayan ini akibat pendapatan yang tidak tetap. Salah satu langkah yang nyata dilaksanakan oleh kerajaan ialah skim pemberian subsidi pada nelayan-nelayan yang berusaha secara sendiri. Jenis bantuan yang biasa diberi ialah enjin, pukat, peti asi dan kompas. Skim ini hanya dihadkan pada mereka yang mempunyai bot dan berusaha sendiri, mereka yang ada bot tetapi disewakan pada orang lain tidak akan dipertimbangkan untuk diberi bantuan. Begitu juga keadaan nasib awak-awak yang tidak ada bot, tetapi kerajaan memang menggalakkan awak-awak yang ingin memiliki bot sendiri dengan tujuan untuk mendapat bantuan subsidi. Bantuan kewangan disediakan dimana awak-awak digalakkan mendapatkan pinjaman dari Bank Pertanian sebagai modal membeli bot.

Objektif utama kerajaan memberikan bantuan subsidi dan pinjaman kewangan ialah untuk :-

- i. Menambahkan hasil penangkapan.
- ii. Meningkatkan pendapatan nelayan.
- iii. Membentuk semula masyarakat nelayan.

Andaian dan ramalan kerajaan ialah bahawa keadaan kemiskinan yang wujud di kalangan masyarakat nelayan ialah kerana kekurangan modal dan teknologi yang rendah. Oleh itu dengan kemudahan pinjaman dan bantuan enjin dan pukat yang

akan menggantikan sampan dan alat mengail ikan yang tradisi maka diharapkan suatu perubahan dan seterusnya pembangunan akan berlaku dalam masyarakat nelayan. Dengan penanaman modal dan peningkatan dalam teknologi, harapannya ialah hasil penangkapan nelayan akan bertambah dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka dan akhirnya akan wujudlah satu masyarakat nelayan yang baru dengan taraf hidup yang lebih baik.

TAHUN	BILANGAN	BILANGAN YANG
1972	55	30
1973	51	19
1974	64	45
1975	41	19

Kerajaan memang mengharapkan skim subsidi ini dapat memajukan masyarakat nelayan kerana diperhatikan sejumlah besar peruntukan telah diperuntukkan untuk skim ini. Skim ini bermula pada tahun 1972 dalam Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975) dengan peruntukan sebanyak \$1.5 juta. Peruntukan ini bertambah kepada lebih kurang \$70 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1975-1980). Oleh kerana dalam Rancangan ini bertambah kepada lebih kurang \$70 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua, skim ini tidak berapa membawa kemajuan maka dalam Rancangan Malaysia Ketiga, skim ini telah diteliti dan dikaji semula. Skim ini dilaksanakan bersama oleh beberapa jabatan iaitu Jabatan Perikanan, MAJUIKAN, Bank Pertanian dan Persatuan Nelayan. Di sebelah diturunkan jadual yang menunjukkan bilangan pemohon dan bilangan yang mendapat bantuan subsidi bagi daerah Kuala Muda, Pulau Pinang dari tahun 1977-1982.

Perbelanjaan yang banyak dari kerajaan pusat oleh itu kerajaan Pulau Pinang tidak mampu untuk memberikan subsidi

yang banyak pada nelayan. JADUAL 3.5 tahun-tahun mulai

1979-1982 BANTUAN SUBSIDI NELAYAN UNTUK DAERAH KUALA MUDA

TAHUN	BILANGAN PEMOHON	BILANGAN YANG DAPAT SUBSIDI
1977	126	21
1978	28	4
1979	55	30
1980	51	19
1981	64	45
1982	41	19

SUMBER : Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang.

Daripada jadual itu kita dapati dalam tiap-tiap tahun keterangan-keterangan dalam jadual telah menyebabkan mereka itu, bilangan yang memohon adalah amat ramai tetapi bilangan yang mendapat subsidi adalah amat sedikit sekali. Contohnya

dalam tahun 1977, bilangan yang memohon ialah seramai 126 orang tetapi yang berjaya mendapat subsidi ialah hanya 21 orang sahaja. Perbezaan angka ini dijelaskan oleh pegawai perikanan yang bertugas di Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang, menurut mereka; dari tahun 1977-1978 didapati hanya 25 nelayan sahaja yang mendapat bantuan sedangkan bilangan pemohonnya ialah seramai 154 orang. Alasan yang diberi oleh pegawai yang bertugas ialah pada tahun-tahun yang berkenaan itu, Negeri Pulau Pinang tidak diberi peruntukan perbelanjaan yang banyak dari kerajaan pusat oleh itu kerajaan Pulau Pinang tidak mampu untuk memberikan subsidi dan tidak tahu bagaimana untuk memohon. Ada juga yang kata

yang banyak pada nelayan. Tetapi pada tahun-tahun mulai 1979-1982, kita dapati bahawa bilangan pemohon juga melebihi bilangan yang mendapat subsidi. Daripada 211 nelayan yang memohon hanya 113 sahaja yang dapat, alasan yang diberi pula ialah kerana banyak pemohon yang memberikan maklumat dan keterangan yang palsu yang mengagalkan mereka daripada diberi subsidi. Maklumat palsu itu ialah seperti pemohon mengaku ia hanya memiliki satu bot sahaja sedangkan ia mempunyai lebih dari satu bot. Juga ada pemilik yang menyatakan ia berusaha sendiri tetapi sebenarnya botnya disewa kepada orang lain. Ada juga pemohon yang mempunyai tanah tetapi tidak diberi dalam keterangan mereka jadi keterangan-keterangan palsu ini telah menyebabkan mereka gagal daripada menerima bantuan subsidi.

Dari kajian di Kuala Muda pula, didapati bahawa dari 29 nelayan usaha sendiri, 16 daripadanya pernah mendapat bantuan subsidi. Ada diantara mereka yang mendapat bantuan subsidi enjin sahaja dan ada pula yang mendapat subsidi pukot dan enjin. Sementara 13 yang lain pula tidak pernah menerima bantuan subsidi dari kerajaan. Bila ditanya adakah pernah mereka cuba meminta bantuan daripada kerajaan, ada yang menjawab pernah minta tetapi tidak dapat, ada pula yang tidak pernah minta langsung. Bila ditanya mengapa mereka tidak cuba meminta, ada yang kata mereka tidak tahu langsung dan tidak tahu bagaimana untuk memohon. Ada juga yang kata

mereka tidak mahu minta kerana ia melihat banyak kawannya yang meminta tetapi tidak dapat, oleh itu ia merasakan bantuan itu susah dapat jadi ia pun tidak mahu minta.

Walau bagaimanapun, skim subsidi ini telah dibekukan buat sementara waktu oleh kerajaan mulai tahun 1983 sehingga satu tempoh tertentu sementara kerajaan menjalankan kajian teliti terhadap kesan-kesan daripada skim itu. Mungkin kerajaan akan membatalkan terus skim itu kerana berdasar daripada kajian-kajian yang dijalankan ternyata skim subsidi ini tidak begitu berkesan. Skim ini sebenarnya telah gagal membawa perubahan dan pembangunan kepada masyarakat nelayan seperti yang diharap-harapkan oleh kerajaan.

SEBAB-SEBAB KEGAGALAN SKIM SUBSIDI

Menurut Dr. Jahara Yahaya dalam artikelnya "Some Implications Of The Fishermen's Subsidy Scheme In Peninsular Malaysia",² beliau menyatakan ada empat faktor utama yang menyebabkan kegagalan skim subsidi ini.

1. Oleh kerana bantuan atau pinjaman kewangan dari bank amat susah didapati kerana banyak syaratnya maka kebanyakan nelayan yang ingin memiliki bot sendiri dengan harapan mendapat bantuan enjin dan pukut dari kerajaan terpaksa mendapatkan pinjaman daripada peminjam-peminjam tempatan yang tidak berlesen seperti orang tengah dan taukeh besar untuk membeli bot mereka. Oleh itu walaupun pendapatan

mereka meningkat tetapi sebahagian besar daripada pendapatan mereka itu harus digunakan untuk membayar hutang kepada orang tengah dan taukeh besar yang selalunya mengambil kesempatan untuk menaikkan bunga yang harus dibayar oleh nelayan. Kekurangan infrastruktur ialah satu lagi faktor utama yang mengagalkan skim subsidi kepada masyarakat nelayan.

ii. Bagi nelayan yang berjaya mendapatkan modal mereka daripada pinjaman dari Bank Pertanian atau badan kewangan lain, selalunya pinjaman itu tidak disertai dengan nasihat yang membina. Akibat^{nya} wang pinjaman selalu digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain yang akhirnya menyebabkan mereka gagal untuk membayar balik pinjaman itu apa lagi kalau ditambah dengan bunga pinjaman yang tinggi seperti 8.5% setahun.

iii. Oleh kerana kekurangan pengalaman dalam mengendalikan jentera moden kerana memang itu suatu yang moden pada nelayan yang sekian lama bergantung pada alat tradisi, akibat itu banyak kerosakan selalu berlaku pada enjin yang mereka terima itu. Ada juga nelayan yang memasang enjin yang berkuasa kuda kecil pada bot besar yang memerlukan enjin dengan kuasa kuda yang lebih besar, dan ini sudah tentu akan merosakkan enjin itu. Keadaan ini akan menjadi bertambah buruk kerana kebanyakan kampung nelayan itu kekurangan kemudahan untuk membaiki enjin dan kekurangan alat-alat penganti bagi enjin perikanan. Pertambahan bilangan bot dan bilangan itu.

iv. Kekurangan keterangan, latihan dan nasihat dalam mengendalikan enjin oleh pegawai-pegawai kerajaan kepada nelayan-nelayan telah menyebabkan skim subsidi ini gagal dalam tujuannya dan perlaksanaannya. Juga khasnya di Pantai Timur, kekurangan infrastruktur ialah satu lagi faktor utama yang mengagalkan skim subsidi kepada masyarakat nelayan.

Oleh kerana punca-punca utama inilah skim subsidi nelayan menghadapi kegagalan yang akhirnya menyebabkan kerajaan terpaksa membekukannya buat sementara waktu. Bukan sahaja kegagalan skim subsidi ini amat menghampakan semua pihak tetapi skim ini juga membawa atau mengakibatkan kesan-kesan yang negatif. Menurut Jahara Yahaya dalam artikelnya yang sama telah menyatakan bahawa kesan negatif yang utama daripada skim subsidi ini ialah kesan dalam aspek penambahan tenaga pekerja.

Keadaan ini memang kita akui benar. Skim subsidi ini yang berdasar pada andaian bahawa seseorang individu hanya akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh jikalau ia mempunyai hak milik atau berkuasa keatas bot bagi seorang nelayan, atau berkuasa atas tanah yang dikerjakannya bagi seorang petani. Dengan pemberian enjin dan pukot yang percuma yang bertujuan mengurangkan kos yang ditanggung telah mendorong lebih ramai lagi orang melibatkan diri dalam kegiatan perikanan. Pertambahan bilangan bot dan bilangan

tenaga pekerja bukanlah merupakan satu keadaan yang baik bagi sektor perikanan. Penambahan ini sebenarnya telah memburukkan lagi keadaan buruk yang sedang dialami oleh masyarakat nelayan. Keadaan buruk yang dimaksudkan di sini ialah keadaan penangkapan ikan yang berlebihan.

3.2 PENANGKAPAN BERLEBIHAN

Dari kajian Khoo Khay Huat, beliau telah menunjukkan bahawa kebanyakan kawasan perairan pantai di Malaysia telah mengalami proses penangkapan ikan yang berlebihan atau boleh dipanggil sebagai 'over exploitation'.³ Dari kajian Jahara Sabri, Small Scale Fisheries Development In Peninsular Malaysia - Problems and Prospects, juga menunjukkan masalah penangkapan berlebihan ini;

"As a result of overexploitation of resources due to overexpansion and overcapitalisation of fishing fleet, the growth of the fishing industry on the West Coast is now on the decline" (Jahara Sabri, 1976:12)

Daripada buku Development Potential Of Selected Fishery Products In The Regional Member Countries Of The Asian Development Bank, volume 2, Fishery Country Profiles, Manila 1977, diambil ayat berikut yang juga menunjukkan keadaan penangkapan berlebihan berlaku.

"Resource surveys off Peninsular Malaysia illustrate clearly that both demersal and pelagic fish stocks are being overexploited; in 1973, 176,000 tons were caught off the coast while the potential sustainable yield has been estimated at 168,000 tons." (1977:45-46)

Daripada kenyataan-kenyataan itu, menunjukkan kepada kita bahawa masalah penangkapan berlebihan ini bukanlah satu masalah yang ringan, masalah ini patut mendapat perhatian yang serius daripada semua pihak khasnya kerajaan. Ini ialah kerana masalah ini adalah salah satu faktor utama yang membawa kepada keadaan taraf hidup yang rendah di kalangan masyarakat nelayan. Satu bukti nyata tentang penangkapan berlebihan ini ialah pendaratan ikan baja yang semakin meningkat. Ikan baja ini merujuk pada anak-anak ikan yang kecil dan belum cukup besar untuk dimakan tetapi telah ditangkap oleh nelayan. Ikan baja ini tidak ada nilainya, ia dijual dengan harga beberapa sen sahaja untuk satu bakul. Ikan baja ini digunakan sebagai baja untuk tanaman atau untuk makanan binatang ternakan. Pendaratan ikan baja yang banyak merupakan satu keadaan 'economic waste', jika anak ikan itu dibiarkan cukup besar; nilainya akan menjadi lebih tinggi dan lebih menguntungkan. Keadaan 'economic waste' ini jika berlaku berterusan bermakna pada masa akan datang, kita akan menghadapi ketandusan sumber-sumber laut. Ini adalah kerana

ketiadaan ikan-ikan yang besar untuk bertelur dan membiakkan ikan yang baru.

Penggunaan pukat tunda oleh nelayan merupakan punca utama kepada wujudnya penangkapan berlebihan di perairan pantai.⁴ Pukat tunda ini sebenarnya hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perairan dalam iaitu sekurang-kurangnya 12 batu dari jarak pantai. Ini ialah untuk mengelakkan bot-bot dengan pukat moden daripada bertembung dan bersaing dengan bot nelayan tradisional dengan pukat tradisi mereka. Syarat ini adalah perlu kerana pukat tunda ini adalah berat dan besar dan jika ia beroperasi di perairan pantai, ia akan menangkap kesemua jenis ikan termasuk anak-anak ikan sekali. Juga bila pukat ini menarik, ia akan mengotorkan dasar laut dan ini menyebabkan ikan-ikan tidak dapat bertelur. Penarikan pukat tunda oleh botnya yang besar juga boleh merosakkan pukat-pukat tradisi nelayan pantai.

Tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah bot-bot pukat tunda ini selalu mengambil kesempatan untuk beroperasi di perairan pantai, keadaan seperti ini telah banyak menimbulkan bantahan dan kemarahan nelayan tradisional sehingga mewujudkan pergaduhan dan perbalahan di antara nelayan pukat tradisi dengan nelayan pukat tunda.⁵ Kesan-kesan negatif ini memang tidak dijangka dan nelayan tradisional terus menjadi miskin akibat sumber ikan yang sudah terhad itu

habis ditangkap oleh bot-bot pukat tunda yang kebanyakannya dimiliki oleh taukeh besar dari luar masyarakat mereka. Kita lihat jadual di bawah yang menunjukkan jumlah pendaratan ikan selepas diperkenalkan pukat tunda. Jumlah pendaratan meningkat pada mulanya tetapi mulai menurun pada akhirnya membolehkan kita membuat kesimpulan bahawa masalah 'over fishing' dan ketandusan sumber laut menjadi semakin serius.

Pinang. Tetapi mulai tahun 1970, jumlah pendaratan keseluruhan mulai menurun tapi jumlah pendaratan pukat tunda masih lagi

JADUAL 3.6
JUMLAH PENDARATAN DAN PENDARATAN BOT PUKAT TUNDA
DARI TAHUN 1965-1974 UNTUK NEGERI PULAU PINANG

TAHUN	JUMLAH PENDARATAN (DALAM PIKUL)	PENDARATAN DARI PUKAT TUNDA (DALAM PIKUL)	PERATUS PENDARATAN BOT PUKAT TUNDA
1965	428,383	-	-
1966	507,427	40,869	8.1
1967	486,326	71,697	14.7
1968	538,767	182,669	33.9
1969	611,751	250,342	40.9
1970	609,924	227,442	37.3
1971	561,365	264,250	47.1
1972	524,029	245,592	46.9
1973	556,415	232,130	41.7
1974	440,903	167,631	38.0

SUMBER : An Analysis Of Penang Trawl Fisheries To Determine The Maximum Sustainable Yield oleh Lam Wah Chang dan D.Pathansali. Ministry of Agriculture, Malaysia, 1977, muka surat 2, jadual 1.

Dari jadual 3.6 kita dapati pada tahun 1965, sebelum adanya pukut tunda, jumlah pendaratan ialah 428,383 pikul. Tetapi dengan pengenalan pukut tunda pada tahun 1966, jumlah pendaratan semakin meningkat sehingga berjumlah 611,751 pikul pada tahun 1969. Sebahagian besar daripada jumlah ini datangnya daripada bot pukut tunda yang memberikan sumbangan sebanyak 40.9% kepada keseluruhan jumlah pendaratan Pulau Pinang. Tetapi mulai tahun 1970, jumlah pendaratan keseluruhan mulai menurun tapi jumlah pendaratan pukut tunda masih lagi meningkat iaitu daripada 227,442 pikul pada tahun 1970 meningkat kepada 264,250 pikul pada tahun 1971. Oleh kerana pendaratan pukut tunda tidak menurun malah meningkat tetapi jumlah pendaratan pada keseluruhannya telah menurun, ini menunjukkan kepada kita bahawa pendaratan dari pukut-pukut jenis lain telah menurun dengan hebat. Tetapi mulai tahun 1971 pula, kita dapati jumlah pendaratan pukut tunda juga menurun dengan hebat begitu juga dengan jumlah keseluruhan pendaratan Pulau Pinang. Keadaan ini menandakan kepada kita bahawa keadaan 'over fishing' atau 'over exploitation' telah mulai wujud di perairan Pulau Pinang.

Menurut Khoo Khay Huat, 70% daripada jumlah penangkapan pukut tunda adalah ikan baja semata-mata. Menurutnyanya pada tahun 1974 jumlah pendaratan ikan di Malaysia ialah 459,574 metrit tan. Angka ini telah menurun kepada 375,235 metrit tan pada tahun 1975, walaupun bilangan nelayan dan bilangan

bot telah meningkat. Jumlah pendaratan telah menurun tetapi tidak begitu pada jumlah pendaratan ikan baja. Pada tahun 1966, lebih kurang 16% daripada jumlah pendaratan semua jenis ikan di Malaysia ialah ikan baja dan peratusan ini telah meningkat kepada lebih dari 33% pada tahun 1978. bilangan

bot dan nelayan yang terlalu ramai dan juga kerana penggunaan

alat. Daripada kajian pengkaji di Kuala Muda pula, didapati keadaan 'over exploitation' ini juga berlaku dengan hebat di sana. Banyak responden pengkaji telah mengadu tentang kekurangan sumber laut sekarang berbanding dengan masa dahulu. Menurut seorang responden yang berumur lebih dari 50 tahun, beliau yang melibatkan diri dalam kegiatan laut ini sejak dari umur belasan tahun lagi hingga sekarang menyatakan bahawa bukan saja sumber laut seperti ikan dan udang sudah berkurangan dan susah didapati tetapi jenis-jenisnya juga berkurangan. Beliau menyatakan sekurang-kurangnya terdapat 20-30 jenis ikan yang pernah ditangkapnya dahulu, sekarang sudah tidak dapat dijumpai lagi. Kekurangan sumber laut ini telah mengakibatkan kekurangan pendapatan mereka. Menurut seorang responden, dahulu seorang nelayan sebulan akan mendapat lebih kurang \$300.00 dengan mudah sahaja tetapi keadaan sekarang tidak semudah keadaan dahulu lagi. Ramai yang mengadu bahawa bukan setiap kali mereka ke laut itu akan membawa hasil kadang kala tidak ada tangkapan langsung. Ini tidak seperti dahulu dimana setiap kali mereka ke laut pasti akan mendapat hasil yang

menguntungkan. Biasanya sebelum bot peronda polis laut datang, bot pukat tunda ini sudah beredar dari situ dengan cepat. Bila pengkaji tanya tentang pendapat mereka terhadap sumber laut yang semakin berkurangan ini, banyak yang menyatakan bahawa keadaan itu adalah akibat dari bilangan bot dan nelayan yang terlalu ramai dan juga kerana penggunaan alat pukat tunda. Menurut mereka, kebanyakan bot pukat tunda menangkap ikan di perairan yang dekat dengan pantai, akibatnya semua sumber laut tidak kira yang besar atau yang kecil semuanya habis ditangkap oleh mereka. Keadaan seperti ini amat mempengaruhi kehidupan nelayan tradisional, oleh kerana bot nelayan tradisional yang kecil maka mereka tidak dapat pergi jauh ke laut dalam, terpaksa jugalah mereka mengadu nasib dengan mencari rezeki di perairan yang sudah hampir kosong sumber lautnya. Sudah tentu dalam keadaan itu hasil yang mungkin mereka perolehi itu tidak banyak.

Bot-bot pukat tunda ini bukan sahaja menangkap habis semua jenis ikan tetapi juga merosakkan pukat mereka dan mengotorkan dasar laut mengakibatkan ikan-ikan tidak dapat bertelur di situ. Implikasi daripada keadaan ini sudah tentulah sumber laut akan semakin berkurangan dan mungkin akan pupus di masa akan datang. Tidak kira pada siang hari atau di sebelah malam, bot pukat tunda ini akan datang curi menangkap ikan di perairan pantai, walaupun mereka telah melapurkan kejadian ini kepada polis tetapi ia tidak banyak

membawa perubahan. Selalunya sebelum bot peronda polis laut datang, bot pukat tunda ini sudah beredar dari situ dengan cepat. Menurut mereka lagi walaupun telah banyak laporan dibuat berkenaan dengan bot pukat tunda ini tetapi kata mereka tidak banyak tindakan yang diambil oleh kerajaan. Selalunya denda yang dikenakan kepada yang bersalah adalah terlalu rendah dan juga adanya kelemahan dan penyelewengan dalam perlaksanaan undang-undang kita. Kekurangan kecakapan pasukan bot peronda polis laut juga berlaku akibat dari kurangnya bilangan bot peronda polis laut. Banyak yang berpendapat bahawa polis-polis laut itu menerima rasuah daripada taukeh besar pemilik bot pukat tunda.

Kesimpulannya di sini, masalah penangkapan berlebihan ini masih belum terkawal, ia telah mengakibatkan pembaziran, kehabisan sumber dan penjejasan kehidupan laut. Memanglah benar seperti yang disebutkan dalam teori Smith bahawa masalah penangkapan berlebihan ini ialah salah satu daripada punca yang menyebabkan keadaan taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional.

Bila seseorang pembeli itu terpijak pada satu longgokan ikan maka ia akan secara diam-diam atau dalam hatinya mengagak nilai longgokan itu, ia mungkin akan menangkap

3.3 KUASA PEMASARAN

Penjualan hasil penangkapan merupakan satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh nelayan di Kuala Muda. Nelayan di sana boleh dikatakan tidak ada kuasa langsung dalam penjualan hasil penangkapan mereka. Ikan-ikan, udang dan segala yang lain dijual dengan cara lelong berlonggok dan bukan dengan cara menimbang mengikut beratnya. Tiap-tiap hari pada pukul kira-kira sepuluh hingga dua belas tengah hari dimana pada masa itu kebanyakan nelayan pulang dari laut dan bila nelayan-nelayan menangkut naik hasil penangkapan mereka ke atas pantai, di situ jugalah penjualan ikan berlaku.

Jualan secara melelong ini dinamakan sebagai 'jualan bisik' oleh nelayan tempatan di situ. Nama jualan bisik ini memang tepat kerana nelayan dan pembeli tidak berteriak atau menjerit-jerit dalam penawaran harga tetapi penawaran harga dijalankan dengan cara berbisik-bisik di telinga nelayan. Selalunya bila nelayan-nelayan naik ke darat, ikan-ikan atau sebarang hasil yang didapati akan dilonggokkan atas pelapis plastik dan dibubuh di ^{atas} tanah. Di sana setiap hari ada ramai pembeli atau agen-agen yang dihantar oleh taukeh ikan menunggu di situ untuk membeli ikan.

Bila seseorang pembeli itu terpicat pada satu longgokan ikan maka ia akan secara diam-diam atau dalam hatinya mengagak nilai longgokan itu, ia mungkin akan menangkat-

angkat longgokan itu untuk mengagak beratnya dan kemudian menghitung harga yang dirasanya sesuai untuk dibayar pada tuan punya longgokan itu. Kemudian pembeli atau sesiapa sahaja yang ingin membeli akan bergilir-gilir membisik di telinga tuan punya longgokan yang mereka ingin beli; harga yang mereka tawarkan untuk longgokan itu. Proses bisikan ini akan terus berlaku sehinggalah tuan punya itu mendapat satu tawaran yang dirasakannya berpatutan untuk hasilnya barulah ia akan bersetuju dengan pembeli yang memberikan tawaran itu dan longgokan itu akan dijual pada pembeli berkenaan.

Jualan cara bisik ini bukanlah satu proses penjualan yang baik, harga pasarannya tidak tetap, ia sering berubah mengikut keadaan dan kesesuaian. Jualan bisik ini kadang-kadang menguntungkan nelayan tetapi ia juga boleh merugikan nelayan dan memberi keuntungan pada pemborong ikan. Dalam proses jualan bisik ini, nelayan tidak ada kuasa langsung dalam menentukan harga. Harga lelong ditentukan oleh pembeli ikan dan nelayan hanya sama ada bersetuju atau tidak bersetuju dengan harga itu sahaja. Walaupun pemborong ikan itu berbisik secara berasingan tetapi dalam keadaan tertentu, pemborong-pemborong itu mungkin boleh berpakat dan akan menetapkan supaya jangan menaikkan harga tawaran terlalu tinggi demi untuk mencari keuntungan yang banyak. Jika semua pemborong ikan tidak menawarkan harga yang tinggi, akhirnya nelayan itu terpaksa juga menjual ikannya kerana kalau dibekukan

ikan-ikan itu untuk keesokan harinya, harga ikan-ikan itu akan merosot juga kerana ikan segar lebih digemari daripada ikan beku. Juga untuk membekukan ikan, nelayan memerlukan belanja kos yang lebih iaitu untuk membeli ais-ais batu untuk menyimpan ikan-ikan itu. Kebanyakan nelayan lebih suka menjual ikan mereka selepas ikan itu ditangkap demi untuk mendapat tawaran harga yang lebih tinggi.

Kekurangan peluang pekerjaan dari sektor lain juga ialah. Jualan cara bisik ini juga mendatangkan kerugian pada nelayan yang lambat pulang. Katakan jika nelayan-nelayan yang mula-mula naik ke darat membawa ikan kembong, ikan kembong itu akan mendapat tawaran harga yang tinggi kerana semua pembeli merebut-rebut untuk membelinya. Tetapi bagi nelayan yang terkemudian yang juga membawa balik ikan kembong, harga yang ditawarkan pada ikannya adalah lebih rendah jika dibanding dengan nelayan yang mula-mula tadi. Ini adalah kerana kebanyakan pembeli sudah ada ikan kembong jadi mereka tidak berapa kisah sangat untuk membeli lagi. Mereka mungkin bertujuan untuk membeli ikan jenis lain pula maka dengan sebab itu harga yang ditawarkan untuk ikan kembong itu juga merosot, juga oleh kerana kurang pembeli yang ingin membeli sudah tentu harga tawaran tidak dapat dinaikkan akibat kurangnya persaingan.

Dari pada data yang dikumpulkan dari kawasan kajian, Dengan itu, kita dapat membuat kesimpulan bahawa didapati bahawa 90% dari responden ialah nelayan yang tanpa kekurangan kuasa dalam pasaran ialah satu lagi punca yang

membawa kepada keadaan taraf hidup yang rendah di kalangan komuniti nelayan di Kuala Muda. Ciri kekurangan kuasa pasaran ini juga sebagai satu ciri utama dalam teori Ian R. Smith mengenai taraf hidup yang rendah di kalangan nelayan tradisional.

3.4 PELUANG PEKERJAAN

Kekurangan peluang pekerjaan dari sektor lain juga ialah satu ciri utama dalam teori Smith dan ciri ini juga dapat dikesan di Kuala Muda. Sila lihat jadual di bawah yang menunjukkan pekerjaan sampingan yang dilakukan oleh responden-responden.

JADUAL 3.7

PEKERJAAN SAMPINGAN RESPONDEN-RESPONDEN		
JENIS PEKERJAAN	BILANGAN	PERATUS
Nelayan tulin	45	90
Peniaga sambilan	1	2
Pekerja kilang sambilan	2	4
Penjual ikan sambilan	2	4
JUMLAH : 50 orang.		100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Daripada data yang dikumpulkan dari kawasan kajian, didapati bahawa 90% dari responden ialah nelayan tulin tanpa mengerjakan kerja lain, 2% ialah peniaga sambilan, 4% ialah

penjual ikan sambilan dan 4% lagi ialah pekerja kilang sambilan. Kurangnya peratusan yang melibatkan diri dalam pekerjaan lain tidaklah bererti mereka tidak ingin mencari pekerjaan lain yang dapat memberikan pendapatan yang lebih baik. Tetapi sebenarnya peluang untuk mereka mendapatkan pekerjaan yang lebih baik adalah amat tipis sekali. Ini adalah disebabkan taraf pelajaran mereka yang rendah, akibat dari itu mobiliti pekerjaan tidak mudah berlaku. Sila lihat jadual di bawah yang memunjukkan taraf pelajaran responden-responden. Oleh mereka juga agak sukar dengan kerja laut sahaja seperti bekerja di sawah atau sebagai buruh-buruh kasar di kilang dan di bandar.

JADUAL 3.8

TARAF PELAJARAN RESPONDEN-RESPONDEN

TARAF PELAJARAN	BILANGAN	PERATUS
Tidak bersekolah	3	6
Darjah satu - enam	42	84
Tingkatan satu ke atas	5	10
JUMLAH : 50 orang.		100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Daripada jadual itu kita dapati 84% daripada responden hanya mendapat pelajaran sekolah rendah sahaja. Dengan taraf pelajaran yang rendah bermakna peluang untuk mendapat kerja yang lebih baik selain dari kerja laut adalah amat tipis sekali. Bila ditanya mengapa mereka tidak melanjutkan

pelajaran mereka, jawapan-jawapan yang diberi ialah seperti keluarganya miskin oleh itu tidak mampu, ada yang harus berhenti sekolah kerana membantu ayah, ada yang tidak berminat untuk belajar, ada juga yang jawab, oleh kerana kedatangan Jepun dan ada juga yang menyatakan sekolah terletak terlalu jauh dari tempat tinggal mereka.

CITA RASA	BILANGAN	PERATUS
Ingin menukar	18	36
Tidak dapat	2	

Kebanyakan responden berpendapat bahawa jika mereka masuk ke sektor lain untuk bekerja, kerja yang akan dilakukan oleh mereka juga agak sama dengan kerja laut sahaja seperti bekerja di sawah atau sebagai buruh-buruh kasar di kilang dan di bandar. Gaji yang mereka akan terima nanti juga tidak banyak berbeza dengan pendapatan yang mereka dapat sebagai nelayan. Oleh itu ramai daripada mereka yang berpendapat kerja laut juga sama dengan kerja lain, jadi ramai yang membuat keputusan untuk tinggal terus dalam kampung nelayan mereka itu. Sila perhatikan jadual 3.9 sebaliknya keputusan dibuat berdasarkan beberapa di sebelah yang menunjukkan cita-rasa mereka.

Syarat-syarat itu umpamanya ialah seperti adakah benar mereka semestinya akan mendapat pekerjaan baru itu. Mereka tidak mungkin akan berhenti dari kerja laut dan berhijrah ke bandar tanpa mengenal pasti sudah ada kerja yang sedang menunggu dan sesuai untuk mereka di sana. Juga mengenai soal adakah gaji atau pendapatan dari kerja baru itu akan lebih

JADUAL 3.9

CITA RASA RESPONDEN-RESPONDEN

CITA RASA	BILANGAN	PERATUS
Ingin menukar pekerjaan	18	36
Tidak ingin menukar pekerjaan	30	60
Tidak dapat membuat keputusan	2	4
JUMLAH : 50 orang.		100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Daripada jadual di atas, kita dapati hanya 36% sahaja daripada responden-responden itu mempunyai keinginan untuk menukar pekerjaan mereka sekarang. Walaupun ada keinginan untuk menukar pekerjaan, keputusan sama ada hendak tukar atau tidak itu bukan dibuat secara sebarangan sahaja tetapi sebaliknya keputusan dibuat dengan berdasarkan beberapa syarat tertentu.

Syarat-syarat itu umpamanya ialah seperti adakah benar mereka semestinya akan mendapat pekerjaan baru itu. Mereka tidak mungkin akan berhenti dari kerja laut dan berhijrah ke bandar tanpa mengenal pasti sudah ada kerja yang sedang menunggu dan sesuai untuk mereka di sana. Juga mengenai soal adakah gaji atau pendapatan dari kerja baru itu akan lebih

memuaskan dari kerja laut sekarang atau lebih kurang sama sahaja. Jika pendapatan agak sama sahaja, ramai daripada mereka berpendapat bahawa adalah tidak wajar bagi mereka menukar kerja mereka kerana ia tidak akan membawa apa-apa perubahan. Juga mereka terpaksa mempersoalkan adakah mereka dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan baru yang mereka tidak ada sedikit pun atau kurang pengetahuan mengenai pekerjaan baru itu. Kebanyakan mereka menyatakan hasrat mereka untuk menerima tawaran masuk ke rancangan FELDA jika mereka diberi peluang tersebut. Bolehlah kita katakan cita-cita mereka tidaklah berapa tinggi kerana mereka memang sedar tentang kekurangan kemahiran dan pelajaran mereka. Juga kita dapat membuat kesimpulan bahawa walaupun mereka hidup dalam keadaan yang terhimpit tetapi mereka tidak sekali-kali akan membuat sebarang tindakan dengan tergesa-gesa sebaliknya mereka menilai sesuatu dengan teliti sebelum sebarang keputusan dibuat. Jika mereka merasakan pekerjaan baru itu tidak selamat, tidak akan mendatangkan faedah atau masih diragukan akan keuntungannya pada mereka; sudah tentu mereka tidak akan menanggung risiko-risiko seperti ini dengan menukarkan pekerjaan mereka. Tindakan mereka ini memanglah benar dan logik kerana memang adalah lebih baik dan selamat bagi mereka tinggal

saja dalam keadaan mereka sekarang yang walaupun pekerjaan itu tidak akan mengayakan mereka tetapi masih dapat menampung kehidupan sekeluarga mereka, daripada pergi mengambil satu pekerjaan yang mereka tidak biasa dan belum lagi pasti akan kemampuannya untuk menanggung kehidupan sekeluarga mereka.

daripada mereka tidak. Sila rujuk jadual di bawah yang menunjukkan Daripada jadual 3.9 juga, kita dapati peratusan mereka yang tidak ingin menukar pekerjaan mereka ialah sebanyak 60%. Sebab pada keadaan ini sudahpun diterangkan sebentar tadi iaitu mereka tidak akan menukar pekerjaan mereka jika tidak ada jaminan bahawa pekerjaan baru itu adalah lebih baik daripada kerja laut mereka.

	TIDAK MENERANGKAN	PERATUS
Tidak sanggup	41	82

Walau bagaimanapun ketiadaan peluang pekerjaan daripada sektor lain juga merupakan salah satu faktor mereka menetap terus dalam pekerjaan laut mereka. Contohnya kilang-kilang industri di Seberang Prai kebanyakannya menyediakan peluang pekerjaan kepada kaum perempuan sahaja. Peluang untuk kaum lelaki boleh dikatakan terhad dan gajinya juga tidak seberapa menandakan keadaan yang sama dengan keadaan mereka sekarang.

Lagipun bagi setengah mereka, mereka berpendapat bahawa kerja makan gaji itu tidak berapa menguntungkan berbanding dengan bekerja merupakan satu kerja yang benar dan ini menunjukkan kerja laut. Ini ialah kerana dalam kerja laut jika mereka bernasib baik, sekali sekala mereka akan mendapat tangkapan kebanyakannya daripada mereka mengharapkan anak mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka setinggi yang mungkin supaya lumayan pada mereka.

Walaupun 60% daripada responden-responden mempunyai sikap ingin terus melibatkan diri dalam kerja laut, tetapi didapati mereka tidak pula menggalakkan sikap ini wujud di kalangan anak-anak mereka sendiri. Hanya 4% sahaja daripada mereka yang menggalakkan anak jadi nelayan dan sebanyak 82% daripada mereka tidak. Sila rujuk jadual di bawah yang menunjukkan angka peratusan ini.

JADUAL 3.10

SIKAP DAN HARAPAN RESPONDEN-RESPONDEN TERHADAP ANAK-ANAK MEREKA

SIKAP	BILANGAN	PERATUS.
Tidak menggalakkan anak jadi nelayan	41	82
Mengikut kesukaan anak mereka sendiri	7	14
Menggalakkan anak jadi nelayan	2	4
JUMLAH : 50 orang.		100%

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Angka sejumlah 82% yang tidak menggalakkan anak jadi nelayan merupakan satu angka yang besar dan ini menunjukkan mereka menaruh harapan yang tinggi pada anak-anak mereka dan kebanyakan daripada mereka mengharapkan anak mereka dapat melanjutkan pelajaran mereka setinggi yang mungkin supaya harga makanan meningkat dengan begitu cepat dan tinggi sekali,

mereka boleh mendapat pekerjaan yang lebih baik di masa hadapan.

3.5 INFLASI

Inflasi⁶ ialah satu lagi faktor utama yang menyebabkan taraf hidup yang rendah di kalangan masyarakat nelayan. Bila inflasi berlaku akibat punca-punca tertentu,⁷ mereka yang berpendapatan kecil dan tidak tetap akan mengalami keadaan yang buruk sekali.

Dalam negara Malaysia, keadaan kenaikan harga yang kuat telah timbul hanya mulai tahun 1972 sahaja. Sebelum ini kenaikan harga adalah sederhana sahaja. Misalnya kadar kenaikan harga untuk tempoh Jun 1970 ke Jun 1971 ialah 1.4% sahaja, jika dibandingkan kadar ini dengan negara Indonesia, Filipina dan Korea dalam tempoh yang sama maka Malaysia tidak patut dianggap sebagai ^{sedang mengalami} keadaan inflasi. Tetapi mulai tahun 1972, keadaan sederhana ini telah bertukar. Pada pertengahan tahun 1974, angka tunjuk jumlah barang-barang pengguna telah sampai 136.5%. Kenaikan harga ini adalah tertinggi bagi barang-barang makanan. Dari Januari ke Mei 1974, angka tunjuk barang-barang makanan telah naik sebanyak 34%.⁸

Keadaan inflasi akan memburukkan keadaan mereka yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Lebih-lebih lagi jika harga makanan meningkat dengan begitu cepat dan tinggi sekali,

sejumlah wang yang besar harus digunakan untuk membeli makanan sekeluarga. Tanggungan atau jumlah ahli keluarga yang ramai bermakna keluarga itu terpaksa menghadkan perbelanjaan mereka terhadap keperluan lain kerana mereka memerlukan wang yang lebih untuk membeli makanan. Sila lihat jadual di bawah yang mengenai tanggungan responden di Kuala Muda. Walaupun 50 responden telah ditemui tetapi tiga daripada mereka belum mendirikan rumahtangga dan seorang sudah bercerai maka jadual ini akan dibentuk berdasarkan 46 responden sahaja.

JADUAL 3.11

TANGGUNGAN RESPONDEN-RESPONDEN

BILANGAN TANGGUNGAN*	JUMLAH KELUARGA	PERATUS %
0	4	8.7
1 - 3	13	28
4 - 6	22	48
7 - 9	6	13
10 - 12	1	2
JUMLAH : 46 orang		99.7%

* Tidak termasuk anak-anak yang sudah kahwin atau sudah bekerja.

SUMBER : Data daripada hasil kajian.

Jelas dari jadual itu kebanyakan responden iaitu sebanyak 48% telah menanggung tanggungan yang ramai antara 4-6 orang. Jumlah ini merupakan satu jumlah yang besar bagi mereka yang berpendapatan rendah dan tidak tetap. Jumlah tanggungan ini tidak termasuk lagi ada ahli keluarga yang tinggal bersama. Walaupun ada setengah responden itu mempunyai anak yang sudah bekerja dan dapat membantu meringankan tanggungan. Tetapi sudah tentu keadaan ini tidak akan wujud lama kerana anak-anak mereka akan kahwin dan mendirikan rumah tangga/^{mereka}sendiri. Ketua rumah terpaksa menanggung segala perbelanjaan rumah termasuk perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Pendek kata dengan keadaan tanggungan dan modal bermula. Tanggungan yang ramai atau saiz keluarga yang besar selalunya berkait rapat dengan kemiskinan. Umpamanya jika satu keluarga memperolehi pendapatan sebanyak \$300.00 sebulan dan pasangan itu mempunyai dua orang anak, maka pendapatan perkapita bagi keluarga itu ialah \$75.00 sebulan. Manakala pasangan yang mempunyai empat orang anak, pendapatan perkapita keluarga akan menurun kepada hanya \$50.00 sebulan untuk setiap orang. Biasanya keluarga yang miskin tidak akan membelanjakan wang yang sepatutnya dikehendaki untuk menjamin taraf pemakanan semua anggotanya. Sebahagian besar dari wang itu akan digunakan untuk keperluan asasi yang lain. Oleh yang demikian, masalah kekurangan zat makanan selalu wujud di kalangan keluarga yang miskin. Dengan pemakanan yang tidak

seimbang, sudah tentu kesihatan mereka akan terganggu. Akibat dari keadaan yang tidak bermaya, daya pengeluaran mereka juga menurun dan akhirnya pendapatan mereka juga menurun.


Kekurangan pendapatan bererti keluarga itu tidak mampu untuk menabung, kekurangan tabungan bermakna kekurangan modal juga. Bila tidak ada tabungan, anak-anak mereka juga tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka. Kekurangan modal juga bermakna mereka tidak bersedia untuk menghadapi kesulitan dalam masa kecemasan, akibatnya mereka terpaksa berhutang pada orang lain.

Pendek kata dengan ketiadaan tabungan dan modal bermakna mereka tidak dapat memperbaiki hidup mereka. Mereka mungkin akan terperangkap dalam satu pusingan hidup yang dipanggil "pusingan kemiskinan". Pusingan ini disarankan oleh Dr. Nor Laily dan Yusuff Yunus. Walaupun tidak ada bukti-bukti mutlak yang menunjukkan pusingan ini benar-benar berlaku tetapi saranan mereka ini mempunyai sifat logik dan munasabahnyanya dan ia mempunyai kemungkinan besar untuk berlaku. Oleh itu eloklah kita telitikan "pusingan kemiskinan" ini, sila perhatikan gambarajahnya di sebelah.

"pusingan kemiskinan" itu bermakna ia tidak akan berupaya keluar daripada pusingan itu tanpa penerikan dari luar. Jika seseorang itu berada dalam satu keluarga yang besar, bermakna ia akan menghadapi kekurangan zat makanan dan seterusnya akan menyebabkan kesihatannya

GAMBARAJAH 3.12

PUSINGAN KEMISKINAN



SUMBER : Dr.Nor Laily dan Yusuff Yunus,

Kependudukan dan Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1982. muka surat 107.

iv. Daripada gambarajah itu, kita dapati bahawa jika seseorang itu masuk dalam "pusingan kemiskinan" itu bermakna ia tidak akan berupaya keluar daripada pusingan itu tanpa penarikan dari luar. Jika seseorang itu berada dalam satu keluarga yang besar, bermakna ia akan menghadapi kekurangan zat makanan dan seterusnya akan menyebabkan kesihatannya

terganggu. Ia juga akhirnya tidak mampu dan tidak berupaya untuk meneruskan pelajarannya, keciciran yang awal mungkin akan menyebabkan ia mendirikan rumahtangga dengan lebih awal dan seterusnya ia akan menghasilkan satu keluarga yang besar juga seperti keluarganya yang dahulu. Maka ia dan keluarganya dan generasi-generasi yang akan datang akan sentiasa berada dalam pusungan kemiskinan itu tanpa keupayaan untuk keluar daripada pusungan itu.

(2) Begitulah keadaan mereka yang berpendapatan rendah yang tidak memungkinkan mereka keluar daripada keadaan kemiskinan yang sudah sekian lama wujud di kalangan mereka. Kita dapati teori Ian R. Smith dengan lima punca utama yang menyebabkan taraf hidup yang rendah di kalangan masyarakat nelayan memang tepat dan dapat digunakan untuk menghuraikan keadaan ini juga. Kelima-lima punca itu ialah :-

- i. hak milik;
- ii. penangkapan berlebihan;
- iii. peluang pekerjaan;
- iv. pemasaran dan
- v. inflasi.

telah dapat dikesan di Kuala Muda dan dengan itu dapatlah kita menjelaskan kenapa taraf hidup yang rendah wujud di kalangan nelayan di Kuala Muda.

Nota Bab III

- (1) Kamaruddin M. Said dalam tajuk kertas kerjanya "Daripada Nelayan-Tani Kepada Pekerja Bot" dalam Jurnal Antropologi dan Sosiologi, Jilid 9, 1981, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, telah membincangkan dengan kritis andaian teoritis yang menjadi asas kepada strategi dalam usaha memperbaiki taraf hidup golongan nelayan di Kuala Perlis dan juga menghuraikan bentuk transformasi sosial yang dialami oleh masyarakat nelayan di sana sehingga meletakkan kedudukan mereka sekarang ini.
- (2) Jahara Yahaya yang membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk "Some Implications Of The Fishermen's Subsidy Scheme In Peninsular Malaysia" dalam seminar Proceedings Of The Seminar On The Development Of The Fisheries Sector In Malaysia yang dianjurkan oleh Persatuan Ekonomi Malaysia pada haribulan 10-13, Januari, 1977, Kuala Lumpur, beliau selain dari membincangkan punca-punca kegagalan skim subsidi ini juga menghuraikan kesan-kesan yang diakibatkan oleh skim itu. Kesan yang utama menurutnya ialah dalam aspek pekerjaan dimana skim subsidi ini telah berjaya menarik minat sebilangan besar orang baru untuk masuk dan melibatkan diri dalam kegiatan perikanan. Orang baru ini sama ada dari kalangan masyarakat nelayan sendiri atau dari masyarakat luar telah cuba untuk memiliki bot sendiri dengan tujuan mendapatkan enjin dan pukat yang percuma. Dengan bertambahnya bilangan bot sudah tentu awak-awak juga bertambah ramai untuk bekerja dalam bot-bot baru. Akibat dari peningkatan bilangan bot dan bilangan pekerja telah memburukkan lagi masalah pengangguran berlaku di kalangan masyarakat nelayan. Kesan eksplotasi juga akan berlaku dengan lebih hebat oleh pemborong-pemborong ikan atau orang tengah yang mengambil kesempatan menurunkan harga belian ikan terhadap mereka yang

kurang pengalaman dan yang baru masuk bergiat dalam kegiatan perikanan.

(3) Khoo Khay Huat dalam kertas kerjanya "Implementation Of Regulations For Domestic Fishermen", Law Of The Sea - Problems of Conflict and Management of Fisheries in Southeast Asia, edited by Francis T. Christy, Jr., published by ICLARM, telah menyatakan bahawa masalah penangkapan berlebihan bukan sahaja berlaku di Malaysia sahaja, bahkan ia juga berlaku di kebanyakan negara di Asia Tenggara. Menurutnya punca utama yang membawa kepada penangkapan berlebihan ini ialah kerana bertambahnya bilangan nelayan dan pengenalan teknologi baru iaitu pukot tunda pada masyarakat nelayan. Menurutnya lagi, selain dari masalah penangkapan berlebihan, masalah penangkapan ikan secara haram oleh mereka yang tidak berlesen, pencerobohan nelayan asing dan masalah lanun telah menjadikan perairan Malaysia penuh dengan masalah-masalah yang hanya akan dapat diselesaikan dengan pelaksanaan undang-undang yang ketat sahaja.

(4) Lam Wah Chang dan D. Pathansali dalam buku mereka An Analysis Of Penang Trawl Fisheries To Determine The Maximum Sustainable Yield, Ministry of Agriculture, Malaysia, 1977 telah menyatakan bahawa idea penggunaan pukot tunda ini datangnya dari Thailand. Pada tahun 1963, nelayan kita membawa balik dua jenis pukot iaitu 'otter trawl' dan 'beam trawl'. Tetapi oleh kerana 'beam trawl' hanya direka untuk beroperasi di kawasan perairan pantai sahaja maka ia menyebabkan bangkangan dari nelayan pantai dan akhirnya pukot ini telah diharamkan. Bagi 'otter trawl' pula yang sesuai digunakan oleh bot yang lebih besar dan di perairan pantai dalam menyebabkan kerajaan merasakan pukot baru ini boleh membawa satu kemajuan dalam kaedah penangkapan di perairan Malaysia; maka selepas satu projek percubaan dijalankan di

Pulau Langkawi, kerajaan merasa puas hati dan telah meluluskan penggunaan pukot ini di Kedah pada 1965 dan di Pulau Pinang pada 1966. ^{ini adalah disebabkan oleh penawaran wang yang berlebihan.}

(5) Dari kertas kerja Khoo Khay Huat "Implementation of Regulations for Domestic Fishermen", edited by Francis T. Christy, Jr., published by ICLARM, dinyatakan bahawa mulai tahun 1964-1976, sebanyak 113 kes pergaduhan yang hebat berlaku yang melibatkan 437 nelayan pukot tunda dan 987 nelayan tradisional. Seramai 34 nyawa terkorban akibat dari kes-kes pergaduhan itu. 90% daripada kes pergaduhan itu adalah berlaku di sekitar perairan Pulau Pinang hinggalah ke perairan Pulau Pangkor.

(6) G.L.Bach, The New Inflation, Causes, Effects, Cures, USA, 1973 menyatakan inflasi ialah proses peningkatan dalam tingkat harga ataupun kuasa beli wang telah jatuh. Menurut Yap Chan Ling, Teori-Teori Inflasi, K.L. 1979, mendefinisikan inflasi sebagai keadaan kenaikan harga yang meluas, mendesak dan besar. Menurutnyanya lagi, inflasi merupakan sifat ekonomi dunia semenjak akhir Perang Dunia II lagi. Semenjak tahun 1965 kadar inflasi telah meningkat dengan hebat di negara perindustrian seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Inflasi telah mengancam kestabilan politik dan mengubah persefahaman antara pihak swasta dan awam dengan memberi keuntungan kepada setengah pihak dan kerugian pada pihak lain. Pendek kata inflasi ialah masalah moden yang umum di dunia ini.

(7) Sila lihat Yap Chan Ling, Inflasi, Dasar Kewangan Dan Dasar Belanjawan, Kuala Lumpur 1975, untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai punca-punca yang menyebabkan wujudnya inflasi di Malaysia. Beliau telah memberikan empat punca utama iaitu :-

- a. Inflasi adalah di akibatkan oleh inflasi dunia.
- b. Inflasi adalah diakibatkan oleh permintaan yang berlebihan.
- c. Inflasi adalah diakibatkan oleh penawaran wang yang berlebihan.
- d. Inflasi adalah diakibatkan oleh desakan kos.

LUAR BANDAR

(8) Sila rujuk Yap Chan Ling, Inflasi, Dasar Kewangan Dan Dasar Belanjawan, Kuala Lumpur 1975, untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai angka tunjuk harga barang-barang pengguna ini dari tahun 1968-1973. di kalangan masyarakat nelayan, tetapi ternyata kebanyakan dari penelukan kerajaan itu menemui kegagalan. Selalunya pihak yang dituduh menyebabkan kegagalan ialah pihak yang hendak dibangunkan iaitu masyarakat luar bandar yang dikatakan bersifat konservatif, sukar menerima perubahan dan menentang kemajuan.

Pandangan seperti ini adalah sama seperti pandangan Brian Parkinson yang mengemukakan pandangannya dalam "Non Economic Factors In The Economic Retardation Of The Rural Malay" dalam Reading On Malaysian Economic Development, David Lim (ed), 1975. Parkinson telah memberikan contoh-contoh masyarakat luar bandar menentang perubahan dan kemajuan. Antaranya ialah penentangan terhadap penanaman padi dua musim kerana dikatakan hasil padi dua musim adalah lebih rendah dan kurang bermutu berbanding dengan padi semusim sedangkan tenaga yang dicurahkan ialah sama banyak dengan padi semusim. Oleh itu mereka lebih suka membiarkan tanah mereka kosong sahaja.

Parkinson juga menga BAB IV

syarikat kerjasama ANALISIS DAN PENILAIAN

4.1 PANDANGAN-PANDANGAN BERLAINAN MENGENAI MASYARAKAT
LUAR BANDAR

Kerajaan memang sentiasa berusaha dan berikhtiar mencari jalan melaksanakan projek dan rancangan pembangunan untuk memperbaiki taraf hidup yang rendah di kalangan masyarakat nelayan, tetapi ternyata kebanyakan dari rancangan kerajaan itu menemui kegagalan. Selalunya pihak yang dituduh menyebabkan kegagalan ialah pihak yang hendak dibangunkan iaitu masyarakat luar bandar yang dikatakan bersifat konservatif, sukar menerima perubahan dan menentang kemajuan.

Pandangan seperti ini adalah sama seperti pandangan Brien Parkinson yang mengemukakan pandangannya dalam "Non Economic Factors In The Economic Retardation Of The Rural Malay" dalam Reading On Malaysian Economic Development, David Lim (ed), 1975. Parkinson telah memberikan contoh-contoh masyarakat luar bandar menentang perubahan dan kemajuan. Antaranya ialah penentangan terhadap penanaman padi dua musim kerana dikatakan hasil padi dua musim adalah lebih rendah dan kurang bermutu berbanding dengan padi semusim sedangkan tenaga yang dicurahkan ialah sama banyak dengan padi semusim. Oleh itu mereka lebih suka membiarkan tanah mereka kosong sahaja.

Parkinson juga mengatakan orang Melayu menentang syarikat kerjasama atau koperasi yang bermatlamat memberi pinjaman wang dan kredit dan lebih suka pada cara gadai dan berurus dengan orang tengah. Walaupun Parkinson mengakui kekurangan kelengkapan penangkapan ikan merupakan faktor penting nelayan pantai timur enggan pergi ke laut dalam menangkap ikan, beliau juga menyatakan sebab lainnya ialah nelayan-nelayan ini tidak mahu berjauhan dengan rumah dan tidak mahu berpisah lama dengan anak isteri.

Parkinson juga menyatakan penentangan orang Melayu terhadap simpanan di bank dan mereka lebih suka menyimpan di bawah tilam atau dengan cara menyimpan barang kemas, membeli kerbau dan lembu. Yang penting ialah Parkinson menyatakan agama Islam telah menyebabkan kemunduran orang Melayu.¹ Mereka dikatakan bersifat fatalistik yang suka menyerahkan segala-galanya pada nasib. Inilah yang menghalang mereka daripada menguasai alam melalui perubahan dan dengan itu menyekat kemajuan ekonomi.

Sudah tentu pendapat Parkinson ini mendapat tentangan hebat daripada orang ramai khasnya dari Profesor Syed Husin Al Attas yang telah mengemukakan beberapa Hadis dan ayat Al Quran untuk membuktikan kesilapan Parkinson.

Memang kita akui pendapat seperti Parkinson itu tidak dapat lagi diterima sekarang. Parkinson telah gagal melihat keadaan masyarakat Melayu luar bandar yang bergenerasi wujud dengan nilai, pandangan, adat resam mereka yang tersendiri. Nilai dan adat telah mengikat mereka dengan begitu bersepadu sekali, orang tengah yang dilihat oleh orang luar sebagai bersifat eksploitasi tidak pula begitu dalam pandangan mereka. Malah orang tengah dilihat sebagai orang yang bermurah hati yang sedia menolong dalam masa kesempitan dan kecemasan. Sudah jadi adat mereka bila orang berbudi kita berbahasa dan salah satu cara membalas budi ialah dengan menjualkan hasil tangkapan atau hasil pertanian pada mereka.

Keputusan mereka menjalankan tanaman semusim ialah mereka mengetahui dengan membiarkan tanah itu kosong dalam satu tempoh tertentu, tanah itu akan dengan sendirinya mengembalikan atau mendapat balik baja aslinya tanpa perlu mereka menggunakan baja asli yang mahal seperti dalam tanaman dua musim. Dengan tanaman dua musim, kesuntukan masa menyebabkan mereka terpaksa mengupah traktor untuk membajak sawah mereka. Ini akan meningkatkan kos sedangkan pulangan yang adan didapati tidak seberapa; kerana sawah yang mereka miliki itu tidak luas bidangnya,² malah ada yang hanya menyewa sawah³ sahaja oleh itu adalah tidak ekonomik untuk menggunakan traktor.

Bagi mereka yang enggan pergi menangkap ikan di laut dalam bukanlah kerana mereka malas dan tidak mahu berpisah dengan anak isteri, tetapi bagi seorang yang waras akan membuat satu keputusan yang waras juga dimana pergi ke laut dalam tanpa bot yang cukup besar untuk melawan ombak ialah satu perbuatan yang risikonya terlalu tinggi sehingga boleh membawa maut. Oleh itu memanglah wajar mereka berkeputusan menangkap di tepi laut yang lebih terjamin keselamatannya dan hasilnya walaupun tidak banyak tapi cukup juga untuk menanggung kehidupan sekeluarga seperti orang tua mereka sejak zaman bergenerasi dahulu lagi. Juga wajarkah pertimbangan kita kalau kita katakan mereka itu malas sedangkan setiap subuh pagi sebelum matahari menyinsir mereka sudah berada di tengah lautan melabuhkan pukat dan masa itu kita masih lagi berada dalam bantal yang panas dengan mimpi yang enak.

Selanjutnya patutkah kita menuduh mereka menentang menyimpan wang di bank sedangkan mereka tidak faham apa itu sistem bank? Apa faedah yang boleh mereka dapat dari menyimpan di bank? Apakah dengan wang yang tidak seberapa itu mereka harus menghabiskan tambang melalui perjalanan jauh menuju ke bank yang berada di bandar? Semua keadaan dan persoalan yang disebutkan ini jarang dipertimbangkan oleh mereka yang menuduh masyarakat luar bandar menentang perubahan.

dan patutkah kita menuduh mereka bulat-bulat sebagai punca

kepada Masyarakat luar bandar sebenarnya bukanlah bersifat konservatif tetapi mereka inginkan perubahan dan kemajuan dalam hidup mereka. Sudah dijelaskan dalam bab yang lepas bahawa 36% daripada responden-responden yang ditemui itu telah meluahkan keinginan untuk menukar pekerjaan mereka jika diberi peluang dan ada kemampuan. Ciri ini juga dapat dilihat dari kajian oleh David S. Gibbons di kalangan nelayan tradisional di Pulau Pinang dan Kedah. Dari kajian itu telah didapati 90.8% daripada responden-respondennya telah berhasrat untuk menukar pekerjaan mereka kepada yang bukan perikanan.

Menurutnya lagi,
Di sini dipetik petikan dari kajian beliau :

"Other evidence that the non-trawling, small-gear fishermen have a rational-instrumental orientation to their occupation is that almost all (90.8%) say they are willing to change jobs themselves to a non-fishing activity if they could earn more by doing so. The clear picture that emerges from the above is not one of fishermen who are tradition-bound and unwilling to innovate; rather, it is a picture of people desperately keen to raise their income and level of living and willing to change their fishing methods, location of fishing, residence and even to abandon fishing if they can be confident of earning more by doing so."(4)

Daripada kenyataan-kenyataan itu masih dapatkah kita berpandangan, lagi-lagi kita kurang berpengalaman dalam bidang mengatakan masyarakat luar bandar itu menentang perubahan walaupun kita sudah melalui beberapa peringkat dan patutkah kita menuduh mereka bulat-bulat sebagai punca perancangan yang penting. Bidang perancangan ini bukanlah

kepada kegagalan rancangan pembangunan kerajaan? Daripada kajian G.R.Elliston, dipetik petikan di bawah :

i. Kerajaan pusat mempunyai tanggungjawab yang terlalu banyak dan "But some government officers intimately connected with the implementation of these schemes have suggested that some of the responsibility must be accepted by the planners of the schemes. This is inevitable because the pace of development, and sometimes political pressures, have not always allowed sufficiently detailed knowledge of the problems and management of existing fisheries before the plans were formulated."

Menurutnya lagi,
"It is also my contention that schemes which failed were based on financial concepts which were totally unfamiliar to the fishermen and were misunderstood and mistrusted. Finally, I believe that it was a mistake to have used co-operatives in the way that they were used - in fish production and in the recovery of loans - instead of in roles for which they are better suited and which have been comparatively neglected." (5)

Ternyata Elliston meletakkan pihak kerajaan khususnya pihak perancang sebagai bertanggungjawab juga dalam kegagalan pelaksanaan rancangan pembangunan. Kelemahan pihak perancang ini memang kita akui dimana selalunya ketiadaan atau import kekurangan pegawai-pegawai yang benar-benar terlatih dan berpengalaman. Lagipun kita kurang berpengalaman dalam bidang merancang walaupun kita sudah melalui beberapa peringkat perancangan yang penting.⁶ Bidang perancangan ini bukanlah

satu bidang yang senang dan kita sebenarnya menghadapi banyak masalah dalam proses perancangan kita.

i. Kerajaan pusat mempunyai tanggungjawab yang terlalu banyak dan berat sehinggakan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya dalam bidang perancangan.

ii. Perhubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri tidaklah begitu mesra, kadang-kadang wujud percanggahan kerana tidak ada persefahaman dalam objektif dan tujuan rancangan.

iii. Kekurangan pengalaman dan kecekapan sehingga menyebabkan sesuatu rancangan itu terbengkalai, contohnya seperti dibinakan klinik kesihatan tetapi tidak ada doktor bertugas di situ.

iv. Masalah dalam menentukan rancangan mana yang lebih penting, yang mana satu yang harus diberi keutamaan dahulu.

v. Masalah modal dan teknologi, kekurangan modal dan teknologi menyebabkan kita terpaksa mendapatkan pinjaman dari luar negeri dan mengimport teknologi dari negara maju untuk melaksanakan rancangan pembangunan kita.

Pinjaman yang dibuat menyebabkan kita berhutang dan bergantung pada negara luar dan pakar penasihat yang diimport masuk tidak semuanya memberikan nasihat yang berfaedah pada kita. Oleh kerana keadaan latar belakang, politik, sosio-ekonomi, budaya, adat, nilai yang berlainan menyebabkan rancangan yang dinasihati oleh mereka yang memakan kos yang

berjuta-juta walaupun berjaya dilaksanakan di negara barat tetapi gagal dilaksanakan di negara kita. Selain daripada masalah-masalah perancangan yang disebutkan, satu lagi masalah yang tidak kurang juga pentingnya ialah masalah kekurangan maklumat mengenai masyarakat yang hendak dibangunkan. Kekurangan maklumat menjadi punca penting mengapa rancangan kerajaan itu tidak tepat sasarannya dan tidak dapat menyelesaikan satu masalah hingga ke akar umbinya. Kekurangan kakitangan untuk menjalankan penyelidikan, juga seperti yang dikatakan oleh Elliston ada halangan tertentu seperti politik yang menyukarkan penyelidikan dijalankan dengan teliti. Juga perlu kita fahami bahawa bukanlah senang hendak mendapatkan maklumat yang lengkap dengan hanya menjalankan penyelidikan sepintas lalu sahaja kalau tanpa disertai dengan pengkajian yang benar-benar melibatkan diri dalam kehidupan masyarakat yang dikaji itu. Sudahpun dijelaskan di dalam bab yang lepas keadaan sosio ekonomi masyarakat nelayan yang menjadikan mereka berada dalam taraf sosio ekonomi yang rendah, di sini perlu juga kita melihat dengan lebih teliti dan mendalam dan menghuraikan keadaan sebenar yang dihadapi oleh mereka.

I. HAK MILIK ALAT ENJIN

Dalam bab yang lepas, kita telah membincangkan bahawa adalah amat susah bagi seseorang untuk memiliki bot dan alat kelengkapan yang baru kerana ia memerlukan modal yang banyak. Dengan itu tidak hairanlah kalau kita dapati bahawa satu bot itu mungkin dimiliki oleh beberapa tuan pemilik. Kalau satu dimiliki oleh tiga orang dan lebih, selalunya percanggahan pendapat dan keputusan akan berlaku. Bilakah masanya enjin ditetapkan untuk mengecat dan memperbaiki bahagian bot yang rosak? Jika dua orang bersetuju tetapi seorang tidak bersetuju kerana ia menghadapi masalah kesempitan wang, dan memperbaiki bot bermakna ia tidak dapat turun ke laut selama beberapa hari. Jadi proses membaiki bot itu terpaksa ditangguh pada hari kemudian. ¹³Ungga lebih dari 12 tahun. Tetapi jika tidak dijaga enjin itu mungkin tahan selama 6 tahun sahaja.

Begitu juga kalau ada yang bersetuju mengeluarkan \$20.00 setiap orang untuk memperbaiki enjin tapi yang lain itu tidak dapat mengeluarkan jumlah wang itu ini bermakna kerja membaiki enjin juga harus ditangguhkan. ¹³Penangguhan kerja pembaikan ini boleh menyebabkan kerosakan yang lebih teruk dimasa depan. Begitulah nasib mereka yang berkongsi bot dimana keputusan bersama harus diperolehi kerana satu bot itu sekarang menanggung kehidupan tiga keluarga dan bukan lagi satu keluarga. ¹³Bot akan tahan selama lima tahun. Jika hasil tangkapan baik, pukot akan cepat rosak kerana ikan-ikan akan merenggangkan pukot itu dan jika terus digunakan lagi,

II. SUSUT NILAI ENJIN

Selalu Untuk menjimatkan kos, didapati bahawa seseorang pemilik itu akan membeli bot atau enjin yang 'second-hand', kadang-kadang enjin lori itu digunakan dengan mengubahsuaikannya dan dimuat dalam bot mereka. Selalunya pemilik tidak memberikan perhatian yang sepenuhnya pada enjin mereka, mereka cuai dalam menjaga kesempurnaan enjin itu sehinggalah enjin itu rosak dan tidak dapat digunakan lagi. Jika enjin itu diperbaiki dari masa ke semasa, kosnya tidak begitu dirasa tapi jika enjin itu sudah rosak sama sekali dan banyak bahagian yang harus ditukar maka kosnya boleh meningkat hingga \$500.00 yang tidak terdaya dibayar oleh nelayan itu. Dengan penjagaan yang baik, satu enjin yang baru itu boleh digunakan sehingga lebih dari 12 tahun. Tetapi jika tidak dijaga enjin itu mungkin tahan selama 6 tahun sahaja.

III. SUSUT NILAI PUKAT

Bagi pukat pula, susut nilainya adalah lebih cepat daripada enjin. Menurut Jabatan Perikanan, semua jenis pukat akan menghadapi susut nilainya selepas lima tahun digunakan. Tetapi dalam keadaan yang sebenarnya, jangkamasa umur pukat adalah berbeza-beza mengikut jenis pukat, jenis bot, bagaimana ia digunakan dan berapa kerap ia digunakan; selalunya semua jenis pukat itu tidak akan tahan selama lima tahun. Jika hasil tangkapan baik, pukat akan cepat rosak kerana ikan-ikan akan merenggankan pukat itu dan jika terus digunakan lagi,

ikan-ikan mungkin akan dapat lari daripada pukak itu. Selalunya satu pukak akan hanya tahan selama tiga tahun sahaja dan ada yang tahan satu tahun sahaja. Bagi bot pukak tunda, pukaknya akan lebih cepat rosak kerana pukaknya menarik atas dasar laut, jika awak-awaknya tidak berpengalaman dan melabuhkan pukak di dasar laut yang berbatu-batan, penuh dengan batu karang dan sampah sarap maka pukaknya akan rosak akibat terkena benda-benda ini. Kerosakan pukak juga boleh diakibatkan oleh ikan yu dan ikan 'dolphins' yang mengancam pukak nelayan yang terkena banyak ikan di dalamnya. Selain dari kerosakan pukak, kehilangan pukak juga sering berlaku. Nelayan-nelayan di Selat Melaka, pukak-pukak mereka selalu hilang akibat diputuskan oleh bot atau kapal perdagangan yang lalu lalang di sana. Kecurian pukak juga sering wujud oleh mereka yang menggunakan sampan di malam hari.

IV. KESTABILAN AWAK-AWAK

Satu lagi keadaan yang harus diteliti dengan lebih mendalam ialah kestabilan awak-awak. Awak-awak yang berpengalaman adalah penting untuk menjamin kejayaan tangkapan. Oleh kerana tidak ada ikatan kontrak di antara majikan dan awak-awak, awak-awak adalah bebas untuk bekerja dengan sesiapa sahaja. Selalunya bot yang baru dan enjin yang elok tanpa kemungkinan kerosakan di tengah lautan akan lebih menarik

bagi mereka yang berpengalaman seperti taikong, juruselam untuk bekerja dengan majikan itu. Taikong dan juruselam yang berpengalaman bermakna akan menjamin hasil penangkapan yang memuaskan, oleh itu keadaan ini juga menarik ramai awak-awak untuk bekerja di bot itu kerana hasil penangkapan yang lumayan bererti mereka akan mendapat jumlah pembahagian yang lebih banyak.

Keadaan ini menyebabkan setengah-setengah bot yang lama dan kurang cekap itu menghadapi masalah untuk mendapatkan awak-awak bekerja dengan mereka. Sebaliknya bot-bot yang baru itu pula menghadapi masalah 'over-manning'. Bagi bot pukut tunda yang beratnya 50 tan, didapati enam atau tujuh tenaga pekerja sahaja sudah cukup untuk menguruskan bot itu tetapi yang berlaku ialah bot itu telah dimuatkan dengan antara lapan dan sepuluh tenaga pekerja. Begitu juga bagi bot yang beratnya 30 tan, selalunya ada awak-awak seramai enam hingga lapan orang sedangkan lima awak-awak sudah cukup untuk menoperasikan bot itu. Walaupun hasil tangkapan bot itu mungkin lebih baik dari yang lain tetapi oleh kerana keadaan 'over-manning' ini menyebabkan pembahagian pendapatan di antara mereka itu juga agak sama sahaja dengan bot-bot yang lain.

V. PENANGKAPAN HARAM

Masalah pencerobohan perairan Malaysia oleh nelayan-nelayan asing bukan lagi satu perkara yang baru pada kita.

Pencerobohan seperti ini semakin menjadi-jadi di sepanjang pantai Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Pahang sehingga tindakan biasa seperti membicara dan menghukum nelayan-nelayan yang terbabit tidak lagi berkesan. Akhbar Berita Harian bertarikh 17, Jun, 1984 melaporkan pihak berkuasa di Kedah dan Terengganu telah bertindak menenggelamkan bot-bot nelayan asing yang dirampas daripada melelongkan bot-bot itu seperti masa dulu. Walaupun tindakan ini agak keterlaluan tetapi nampaknya itulah cara yang lebih sesuai untuk mengawal masalah pencerobohan.

Menurut Kementerian Pertanian, 73 bot nelayan asing ditahan kerana mencerooboh kawasan menangkap ikan Malaysia sepanjang tahun 1982 dan 1983. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula melaporkan bahawa seramai 221 nelayan asing ditahan tahun lalu. Walaupun angka-angka ini tidaklah terlalu tinggi atau membimbangkan, tetapi keadaan sebenarnya adalah lebih mendesak daripada itu kerana ramai penceroboh-penceroboh itu tidak dikesan atau tindakan tidak diambil. Misalnya pada awal tahun ini, nelayan-nelayan di Dungun melaporkan 75 kejadian mencerooboh dan mencuri oleh nelayan-nelayan asing. Dalam kejadian-kejadian itu, lebih 2,000 bubu dan unjang musnah. Nelayan-nelayan asing, sebahagian besarnya ialah dari Negeri Thai. Mereka bukan sahaja tidak menghiraukan undang-undang antarabangsa tetapi telah menyebabkan kemusnahan kawasan menangkap ikan dengan menggunakan kaedah-kaedah

penangkapan yang membazir, contohnya seperti menggunakan racun, bahan letupan dan kuasa elektrik. Jika langkah-langkah tegas tidak diambil untuk mengawal kemasukan penceroboh-penceroboh asing ini bermakna akhirnya negara kita akan mengalami pemusnahan sumber ikan. Berkesan harus diambil oleh kerajaan kita dalam mengatasi masalah-masalah itu.

Selain daripada menghadapi ancaman dari penceroboh asing kita juga menghadapi masalah "penceroboh tempatan" iaitu mereka yang menangkap ikan tanpa lesen sah kerajaan. Menurut Khoo Khay Huat, kalau ada 4,000 nelayan yang berdaftar dengan lesen tertentu, diramalkan bahawa ada lebih dari 4,000 nelayan lain yang tidak mendaftarkan diri. Keadaan ini merupakan salah satu sebab mengapa data-data jabatan kerajaan kita selalunya agak kurang lengkap dan kurang tepat dan masalah ini akan menyulitkan kerja perancangan dari masa kesemasa.

Selain dari masalah tangkapan haram, kita dapati bahawa masalah lanun dan penyeludupan juga kian menjadi-jadi di sekitar perairan negara kita. Masalah lanun ini bukan sahaja merosakkan harta benda tetapi kadang-kadang juga mengorbankan nyawa manusia. Begitu juga masalah penyeludupan barang-barang tertentu sama ada diseludup keluar atau masuk ke negara kita, bersama dengan masalah lanun, masalah penangkapan haram telah menunjukkan kepada kita bahawa undang-undang, tindakan dan kawalan pihak berkuasa kita masih lagi

tidak cukup, kurang cekap dan kurang berkesan. Masalah-masalah yang disebutkan tadi tidak harus dipandang rendah kerana melalui cara langsung atau tidak langsung, masalah-masalah itu telah mengancam ekonomi nelayan tempatan kita. Dengan itu tindakan yang tegas dan berkesan harus diambil oleh kerajaan kita dalam mengatasi masalah-masalah itu.

VI. KOPERASI

Bagi pendapat pengkaji, penubuhan koperasi nelayan oleh kerajaan mempunyai tujuan yang bertentangan di antara satu sama lain. Di satu pihak kerajaan bertujuan untuk membebaskan nelayan-nelayan daripada berhutang pada orang tengah, pemilik bot dan pekedai, oleh itu melalui koperasi kerajaan menyediakan pinjaman pada nelayan untuk membeli alat kelengkapan penangkapan. Pinjaman ini harus dibayar balik dalam tempoh tertentu dengan kadar faedah tertentu. Jadi daripada sini kita tidak nampak ada apa-apa perubahan berlaku kerana sebalik daripada berhutang pada orang tengah, nelayan sekarang telah berhutang pada kerajaan pula. Nelayan itu masih lagi berhutang, yang berubah ialah pihak yang memberikan pinjaman.

Juga fungsi koperasi tidak seharusnya memberikan pinjaman tetapi harus menekankan matlamat untuk menggalakkan perbelanjaan berjimat cermat dan bersesuaian dengan keadaan di kalangan nelayan melalui tunjukajar dan nasihat-nasihat

yang membina. Koperasi juga sepatutnya membantu mengurangkan kos yang ditanggung oleh nelayan. Bahanapi, ais batu, barang gantian bahagian enjin, barang runcit sepatutnya dibeli dalam jumlah yang banyak dan dijual kepada nelayan dengan harga yang lebih murah daripada pihak lain. Tetapi keadaan ini jarang berlaku, contohnya dari kajian oleh G.R.Elliston yang disebutkan terlebih dahulu telah menunjukkan koperasi di Kuala Linggi telah membeli minyak segelen berharga 60 sen tetapi dijual pada nelayan dengan harga 65 sen, ais batu pula satu beku berharga \$4.10 dan dijual dengan \$4.50. Di Kuantan pula, minyak segelen berharga 65 sen telah dijual dengan harga 80 sen, minyak pelincir dibeli dengan harga \$4.50 tapi dijual \$6.00, ais batu pula beli dengan harga \$2.50 tapi dijual dengan harga \$3.50. ~~Ang pendapatan yang didapati itu hanya cukup untuk membayar cukai cukai cukai dan sudah tentu keluar~~ Daripada data-data itu menunjukkan kepada kita koperasi sedang mencari keuntungan malah ada barangnya yang harganya lebih tinggi daripada pekedai-pekedai lain. Keadaan inilah yang menyebabkan kebanyakan koperasi itu terpaksa ditutup kerana nelayan-nelayan lebih suka mengunjung ke kedai yang menawarkan harga yang lebih murah. Kegagalan koperasi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak tertentu demi untuk kepentingan diri mereka. Sesungguhnya penyelewengan ini tidak dapat dielakkan dalam mana-mana bidang pekerjaan, yang dapat dilakukan ialah menguatkan ciri-ciri nilai, moral dan

sikap bertanggungjawab di kalangan kakitangan kerajaan. Diharapkan seruan slogan bersih, cekap dan amanah oleh pemimpin-pemimpin kita sekarang dapat mewujudkan kesedaran dan seterusnya memperbaiki keadaan yang tidak diingini. Ia ialah merupakan satu bahagian yang teramat kecil dalam

VII. PEMBAYARAN BALIK WANG PINJAMAN

Biasanya kerajaan menghadapi masalah dalam mendapat balik bayaran pinjaman yang dibuat oleh nelayan. Keadaan ini wujud akibat dari keadaan pendapatan nelayan yang tidak tetap itu. Seorang nelayan mungkin mendapat keuntungan besar pada bulan yang lepas tetapi tidak semestinya begitu dalam bulan ini, jadi jika bayaran balik dimestikan pada tiap-tiap bulan maka ia bermakna nelayan itu tidak dapat menjelaskan bayaran bulan ini. Juga kadang-kadang pendapatan yang didapati itu hanya cukup untuk keperluan sekeluarga sahaja dan sudah tentu keluarga lebih diutamakan dari membayar hutang, tidak mungkin seseorang itu akan menggunakan pendapatan yang tidak seberapa itu untuk membayar hutang dan membiarkan keluarganya hidup kelaparan. Adalah sama-sama bertanggungjawab dalam sebarang kepincangan yang berlaku.

Juga sudah disebutkan dalam bab yang lepas, kegagalan membayar balik pinjaman adalah juga akibat dari tidak adanya nasihat dari pihak peminjam telah menyebabkan wang pinjaman itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang lain. Juga satu lagi sebab yang penting dalam menyebabkan kegagalan bayaran balik pinjaman ialah kekurangan maklumat yang jelas dan tepat

di kalangan nelayan mengenai kedudukan sebenar kewangan kerajaan. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai anggapan bahawa kerajaan kita adalah kaya dan mempunyai modal yang banyak. Mereka merasakan pinjaman yang dibuat oleh kerajaan ialah merupakan satu bahagian yang teramat kecil dalam kewangan kerajaan. Oleh itu kebanyakan mereka tidak akan merasa malu atau salah kalau mereka membayar lambat atau tidak dibayar langsung. Sedangkan dalam keadaan yang sebenarnya, kerajaan kita sering membuat pinjaman dari luar negeri untuk membiayai segala rancangan pembangunannya.

Oleh itu dengan memahami secara mendalam keadaan sebenar yang dihadapi oleh nelayan tidaklah wajar kita menuduh mereka sebagai punca menyebabkan kegagalan rancangan pembangunan untuk mereka. Tidak dapat juga kita hanya menyalahkan pihak kerajaan sahaja kerana kita dapati pihak kerajaan khasnya pihak yang merancang juga mempunyai masalah mereka masing-masing. Ringkasnya kedua-dua pihak yang diperintah dan yang memerintah adalah sama-sama bertanggungjawab dalam sebarang kepincangan yang berlaku.

4.2 RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN

I. SISTEM 2L

Dengan kegagalan rancangan pinjaman dan skim subsidi yang dikatakan mewujudkan satu masyarakat yang bergantung pada bantuan-bantuan kerajaan. Kerajaan sekarang sedang

melaksanakan satu program baru yang lebih berkesan dan diharapkan dapat mewujudkan satu masyarakat luar bandar yang berdikari yang dapat membangunkan diri mereka masing-masing dengan sedikit bantuan dan nasihat membina daripada kerajaan. yang berkecenderungan mengenai teknologi-teknologi yang akan dilaksanakan. Program baru ini dinamakan sebagai Sistem 2L. 2L di sini bermakna lawatan dan latihan. Sistem ini telah mula dijalankan oleh Kementerian Pertanian di kalangan masyarakat tani dan didapati ia membawa kesan yang baik oleh itu sistem ini tetap sekarang akan juga dijalankan di kalangan nelayan. Jabatan Perikanan telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan program itu. Sistem 2L ini dirancang mengikut pengetahuan bahawa segala teknologi yang mempunyai potensi dan hasil keputusan yang menggalakkan daripada penyelidikan adalah tidak menguntungkan jika tidak disalurkan dengan berkesan kepada nelayan dan diamalkan. Oleh yang demikian, bagi mendapatkan satu keberkesanan yang lebih bermakna daripada pembangunan perikanan maka suatu mekanisme penyaluran perkhidmatan itu perkembangan yang lebih berkesan untuk pemindahan teknologi-teknologi tersebut kepada nelayan perlu dikenalpasti dan diperkembangkan dari masa ke semasa. Dengan itu sistem 2L akan bertindak sebagai satu cara penyaluran teknologi kepada nelayan melalui pendekatan secara berkumpulan iaitu dengan menggunakan kontak nelayan.

Kita boleh mengenalpasti tiga prinsip utama dalam sistem 2L.

i. Setiap Juruteknik Perikanan harus diberi latihan dengan lebih kerap dan berterusan oleh pegawai-pegawai teknikal yang berkecualan mengenai teknologi-teknologi yang akan disalurkan kepada nelayan semasa lawatan. Pengetahuan teknikal yang diberikan semasa latihan mestilah sesuai dan selaras dengan tujuan-tujuan lawatan yang akan dijalankan oleh Juruteknik Perikanan kepada nelayan nanti. Latihan yang tetap dan teratur ini akan memberikan sokongan pengetahuan teknikal atau bidang-bidang lain yang berkaitan dari masa ke masa kepada Juruteknik Perikanan dan ini akan membolehkan mereka mendapat kecakapan dan kemahiran yang mendalam terhadap teknologi yang akan mereka berikan pada nelayan. Latihan seperti ini akan menambahkan lagi keyakinan mereka semasa penyampaian teknologi tersebut kepada nelayan-nelayan dan secara tidak langsung akan mewujudkan keyakinan di kalangan nelayan terhadap Juruteknik Perikanan dan Sistem 2L.

ii. Mengumpulkan nelayan-nelayan di dalam satu kawasan itu dan dibahagikan kepada saiz-saiz kumpulan kecil yang mudah diurus. Keluarga nelayan ini akan dibahagi kepada beberapa Kumpulan Nelayan dan setiap Kumpulan Nelayan ini akan dibahagikan pula kepada beberapa Kumpulan Nelayan Kecil. Bilangan nelayan dalam setiap Kumpulan Nelayan Kecil ini adalah berbeza-beza dari satu kawasan ke kawasan lain

mengikut kesesuaian keadaan setempat. Pegawai teknikal dari Jabatan Perikanan akan mengadakan perjumpaan dan mesyuarat dengan Kumpulan Nelayan Kecil ini untuk memberi nasihat, perkhidmatan dan maklumat yang berkaitan. Walau bagaimanapun adalah sukar bagi pegawai teknikal ini untuk berjumpa dengan kesemua nelayan semasa lawatannya kerana tidak semua nelayan akan hadirkan diri pada masa dan tempat yang telah ditentukan. Memandangkan masalah ini, satu lagi prinsip diperkenalkan.


iii. Seorang ketua Kumpulan Nelayan akan dilantik bagi setiap Kumpulan Nelayan. Ia tidak terlibat secara langsung dalam proses pemindahan teknologi tetapi ia menolong Juruteknik Perikanan dalam menguruskan kumpulannya. Peranan Ketua Kumpulan Nelayan amatlah berguna, terutamanya di dalam mengesan masalah-masalah yang sama dihadapi oleh nelayan-nelayan dalam kumpulannya untuk perhatian Juruteknik Perikanan dan juga ia memberi khidmat perhubungan di antara Juruteknik Perikanan dengan kuasa lain yang wujud di dalam kumpulannya seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan Ketua-Ketua Kampung.

Dalam Kumpulan Nelayan Kecil, seorang kontak nelayan dilantik sebagai wakil nelayan. Kontak nelayan bukanlah bertujuan untuk menolong atau membantu Juruteknik Perikanan tetapi sebenarnya sebagai penghubung kepada Kumpulan Nelayan Kecilnya untuk bertemu Juruteknik Perikanan. Kriteria yang penting perlu terdapat pada seorang kontak nelayan ialah kerelaan

hati mereka untuk meluangkan masa beberapa jam setiap lawatan untuk menemui Juruteknik Perikanan pada masa dan tempat yang telah ditentukan, serta menyampaikan kepada nelayan pengikutnya yang tidak hadir dalam masa pertemuan mengenai apa yang telah dipelajari daripada Juruteknik Perikanan. Kontak nelayan juga akan menyampaikan kepada Juruteknik Perikanan semasa lawatannya mengenai masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh nelayan-nelayan pengikutnya. Pembahagian kumpulan-kumpulan nelayan secara menyeluruh boleh dilihat dalam gambarajah di bawah.

GAMBARAJAH 4.1

SATU SUSUNAN KUMPULAN NELAYAN BAGI SATU KAWASAN
PERKHIDMATAN SISTEM 2L



Catitan : Bilangan Kumpulan Nelayan/nelayan yang disebutkan di dalam gambarajah itu adalah sebagai panduan.

Bilangan berbeza-beza mengikut keadaan setempat.

SUMBER : Jabatan Perikanan Pulau Pinang.

ada Sistem 2L walaupun menggalakkan kontak nelayan dan nelayan-nelayan berjumpa dengan Juruteknik Perikanan pada masa dan tempat yang ditetapkan tetapi nelayan-nelayan lain juga digalakkan hadir walaupun tidak berkaitan pada masa dan tempat tersebut sekiranya mereka berminat dan ada masalah yang hendak dibincangkan dengan Juruteknik. Ini adalah untuk mengelakkan rasa terpaksa menghadiri lawatan dalam masa yang ditentukan di dalam hati mereka. Jika tidak, minat nelayan terhadap lawatan Juruteknik Perikanan serta sistem 2L amnya lama kelamaan akan berkurangan dan akhirnya terus berkubur. nelayan lain hadir.

Setelah Juruteknik Perikanan mendapat latihan teknikal mereka akan melakukan lawatan kepada nelayan-nelayan mengikut jadual yang telah ditetapkan.⁷ Segala maklumat mengenai jadual lawatan seperti tarikh, tempat dan tajuk lawatan perlu diberitahu dahulu kepada semua kontak nelayan, ketua kumpulan dan nelayan-nelayan sebelum lawatan supaya sesiapa yang berkaitan atau yang berminat akan hadir. Semasa lawatan, Juruteknik Perikanan akan melakukan segala aktiviti-aktiviti yang disebutkan di bawah ini:- Perikanan.

- i. Melakukan tinjauan terlebih dahulu di kawasan yang akan diberi lawatan.
- ii. Mendapatkan maklumbalas daripada kontak nelayananya akan terhadap teknologi yang lepas.
- iii. Menyampaikan teknologi.
- iv. Mendapatkan maklumbalas daripada kontak nelayan sama.

ada mereka faham atau tidak mengenai teknologi tersebut.

v. Menggalakkan kontak nelayan/nelayan pengikut menyuarakan masalah-masalah mereka dan juga menyelesaikan seberapa yang boleh. Jika tidak, perkara tersebut akan dibawa didalam mesyuarat di peringkat daerah akan datang.

vi. Menggalakkan kontak nelayan supaya menyampaikan teknologi yang diberikan kepada nelayan-nelayan pengikut yang tidak hadir.

vii. Memberitahu tarikh, tempat dan tajuk yang akan datang serta menggalakkan agar kontak nelayan menjemput nelayan-nelayan lain hadir.

Segala aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan dan masalah-masalah yang dihadapi setiap kali lawatan dijalankan oleh Juruteknik Perikanan akan dicatatkan ke dalam buku catitan harian. Buku ini penting kerana ia merupakan panduan untuk Juruteknik Perikanan mengesan kemajuan kawasan perkhidmatannya dan juga ia boleh digunakan oleh pegawai-pegawai penyelia untuk memerhatikan segala aktiviti yang telah dijalankan oleh Juruteknik Perikanan.

Segala maklumbalas dan masalah yang dihadapi yang tidak dapat diatasi oleh Juruteknik Perikanan semasa lawatannya akan dibawa dan dibincangkan dalam mesyuarat 2L peringkat daerah. Mesyuarat ini akan dipengerusikan oleh Pegawai Perikanan dan dihadiri oleh semua Juruteknik Perikanan dibawah jagaannya.

pegawai teknikal yang terlibat dalam daerah tersebut dan juga pegawai dari agensi lain yang ada kaitan dengan perkara-perkara berbangkit. Tujuannya ialah untuk mendapatkan pandangan serta bantuan supaya segala masalah dan kerumitan dapat diatasi. akan dilawat sekali dalam sebulan oleh pegawai teknikal dari

Jabatan Di bawah Sistem 2L juga menyenangkan sistem pengesanan dan penilaian. Tujuan sistem 2L adalah untuk menyalurkan teknologi, oleh itu cara yang paling mudah dan berkesan bagi mengkaji sejauh manakah Sistem 2L telah berjaya dilaksanakan ialah melalui pemerhatian di kalangan nelayan. Jika didapati mereka telah mengamalkan sesuatu teknologi yang disalurkan, bermakna sistem itu telah dapat berjalan dengan berkesan tetapi jika tidak, sesuatu mesti dikaji semula untuk mengesan kesilapannya. Dengan adanya pengesanan dan penilaian dari masa ke semasa di dalam Sistem 2L akan memudahkan penilaian sejauh manakah pelaksanaan sistem telah berjaya dan juga perancangan program akan dapat disediakan dengan baik berdasarkan kepada keperluan nelayan.

Dalam perjumpaan kali kedua di bulan Jun pula tajuk Jawatan Ringkasnya Sistem 2L ialah merupakan satu saluran perhubungan dua hala di antara pihak kerajaan (Juruteknik Perikanan) dan rakyat (nelayan). Segala maklumat yang diberi diharapkan akan mendapat maklumbalas daripada mereka yang menerima maklumat itu. Kerajaan memang mengharapkan sistem baru ini akan membawa perubahan pada masyarakat nelayan. Sistem ini sudah pun dijalankan di kebanyakan kawasan perikanan.

Di Kuala Muda, semasa pengkaji membuat kajian di situ, sudah dibentuk sebanyak 12 Kumpulan Nelayan Kecil dan 12 kontak nelayan telah dilantik. Satu Kumpulan Nelayan Kecil mempunyai lebih kurang 25 nelayan pengikut. Setiap kumpulan akan dilawat sekali dalam sebulan oleh pegawai teknikal dari Jabatan Perikanan Pulau Pinang. Dalam bulan Mei, tajuk lawatan yang diberi oleh pegawai teknikal ialah berkenaan dengan :-

- a. Dasar Perlesenan Baru 1983. Perikanan Malaysia telah
- b. Organisasi Jabatan Perikanan. Nelayan yang diadakan di Batu Maung. Dalam lawatan pertama ini lebih dititikberatkan untuk memberi maklumat yang baru dengan jelas kepada nelayan-nelayan. Pengkaji mendapati dalam perjumpaan yang diadakan itu, nelayan-nelayan memang tidak segan silu menyuarakan pendapat mereka, ada juga yang mengkritik dasar kerajaan. Walau bagaimanapun keadaan dalam perbincangan itu dapat dikawal oleh pegawai teknikal berkenaan yang sudah mendapat latihan dan mempunyai pengalaman.

JADUAL 4.2

Dalam perjumpaan kali kedua di bulan Jun pula tajuk lawatan lebih tertumpu pada aspek teknologi, antara tajuknya ialah :-

a.	Pengendalian tangkul ketam laut.	15 orang
b.	Cara menyimpan ikan tanpa ais.	15 orang
c.	Cara menyimpan ikan supaya lebih baik dan cantik dengan menggunakan sedikit ais sahaja.	10 orang
d.	Pengendalian ikan	10 orang

SUMBER : Berita Nelayan, Bilangan 34, September 1983.

Oleh kerana Sistem 2L ini baru dijalankan, kita masih belum dapat melihat kesannya sama ada ia memang menggalakkan sama seperti apa yang dirancang. Harapan kita janganlah ia hanya memerangsangkan dalam teorinya tetapi mengecewakan bila dilaksanakan.

II. KURSUS LATIHAN UNTUK NELAYAN

Mulai tahun 1983, Institut Perikanan Malaysia telah menawarkan kursus-kursus untuk nelayan yang diadakan di Batu Maung, Pulau Pinang dan cawangannya di Seberang Takir, Kuala Terengganu. Tujuan kursus ini adalah untuk mendedahkan kepada peserta pengetahuan dan kemahiran yang berguna bagi menghasilkan nelayan yang terlatih dan cekap. Kursus yang dijalankan ini lebih menekankan kepada latihan amali. Jenis-jenis kursus yang ditawarkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

JADUAL 4.2

KURSUS-KURSUS UNTUK NELAYAN

JENIS KURSUS	TEMPUH KURSUS	BILANGAN PESERTA
A. Kursus Sijil Kecekapan:		
a. Jeragan	4 bulan	15 orang
b. Pekerja enjin	4 bulan	15 orang
B. Kursus Modular :		
a. Pelayaran	2 minggu	10 orang
b. Kejuteraan	2 minggu	10 orang
c. Peralatan perikanan	2 minggu	10 orang
d. Pengendalian ikan	1 minggu	10 orang

SUMBER : Berita Nelayan, Bilangan 34, September 1983.

Sepanjang masa menyertai kursus-kursus ini, peserta-peserta disediakan tempat penginapan dan makanan dengan percuma. Peserta juga diberi elaun gantian dengan kadar yang telah ditetapkan. Perbelanjaan tambang pergi/balik antara kampung dan tempat kursus akan ditanggung oleh institut berkenaan.

Selain daripada itu, Jabatan Perikanan juga mengadakan kursus-kursus lain melalui Unit Latihan Dan Demonstrasi Peralatannya. Unit ini mempunyai tujuan untuk memesatkan lagi penyebaran kaedah-kaedah baru di dalam usaha memaju dan memodenkan perusahaan perikanan. Antara fungsi-fungsinya ialah:

- i. Mengembangkan kaedah-kaedah baru dalam cara-cara menangkap ikan.
- ii. Memperkembangkan serta menyebarkan pengetahuan sesuatu perusahaan dari satu kawasan ke kawasan lain.
- iii. Memberi tunjukajar dalam aspek-aspek pengawasan dan penyelenggaraan enjin bot-bot menangkap ikan.

Program-program yang dikendalikan oleh Unit Latihan Dan Demonstrasi Peralatan ini boleh dibahagi kepada tiga :-

A. KHIDMAT BENGKEL BERGERAK

- i. Khidmat Bengkel Latihan (Kursus Pengawasan dan Penyelenggaraan Enjin Dalam dan Enjin Sangkut)

Kursus ini dijalankan selama enam hari bagi enjin dalam dan dua hari bagi enjin sangkut. Empat buah Van Bengkel Bergerak

disediakan untuk membuat lawatan di merata kampung nelayan di seluruh Semenanjung dengan bimbingan daripada pengajar-pengajar yang berpengalaman. Khidmat Bengkel Bergerak ini bertujuan memberi peluang kepada nelayan setempat bagi membolehkan mereka mengikuti kursus asas mengenai enjin dengan menitikberatkan penjagaan enjin yang betul dan menyelenggarakan sendiri akan masalah enjin yang terjadi. Peserta kursus akan diberi bimbingan secara teori dan amalian mengandungi matapelajaran seperti berikut :-

- a. Sistem Bahan Bakar.
- b. Sistem Pelinciran.
- c. Sistem Penyejukan.
- d. Kotak Giar.
- e. Penjagaan Enjin.
- f. Masalah yang terjadi dan lain-lain.

ii. Khidmat Bengkel Servis

- ii. Teknologi.
- iii. Sosio-ekonomi.

Berikutnya pengkaji ingin memberikan beberapa pandangan dan jika satu langkah pembangunan hanya menumpukan perhatian pada salah satu daripada ketiga aspek itu bermakna langkah itu tidak akan berjaya dalam menyelesaikan masalah. Contohnya jika kerajaan hendak menyelesaikan masalah pendapatan yang rendah di kalangan nelayan tradisional dan andaian kerajaan ialah mereka memperoleh pendapatan yang rendah kerana mereka tidak ada hak milik keatas bot dan alat penangkapan. Maka digalakkan mereka membuat pinjaman dan diberi bantuan subsidi enjin dan pukat tetapi akhirnya keadaan nelayan juga tidak mengalami kemajuan. Apa silapnya di sini? Jawapannya ialah kerajaan telah mengabaikan aspek biologi dalam perancangannya, apabila lautan sudah kosong dengan sumber lautnya akibat proses penangkapan berlebihan maka tidak kira sebesar mana bot itu, semoden mana teknologi yang digunakan semuanya sia-sia belaka kerana tidak ada lagi ikan yang boleh ditangkap.

Oleh itu sebelum sesuatu dasar pembangunan untuk

masyarakat nelayan itu digubal, demi untuk menjamin keberkesannya dalam pelaksanaan ia seharusnya memberikan pertimbangan pada ketiga-tiga aspek itu. Dalam bab yang lepas, telah dihuraikan banyak langkah utama dijalankan oleh kerajaan untuk membangunkan masyarakat nelayan dan kita berharap langkah-langkah itu semua akan membawa perubahan dan seterusnya kemajuan pada masyarakat nelayan.

Berikutnya pengkaji ingin memberikan beberapa pandangan dan cadangan yang difikirkan dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat nelayan kita. Cadangan-cadangan akan diberi mengikut ketiga-tiga aspek yang disebutkan tadi.

5.1 CADANGAN-CADANGAN UNTUK MEMPERBAIKI TARAF HIDUP MASYARAKAT NELAYAN

BIOLOGIKAL

Aspek biologiikal ini ialah berkenaan dengan sumber laut, pembiakan, mutu kehidupan laut, pencemaran, penangkapan berlebihan dan lain-lain yang berkaitan. Masalah utama yang sedang dihadapi oleh negara kita ialah penangkapan berlebihan, cadangan untuk memperbaiki keadaan ini ialah:-

1. Mewujudkan satu kouta tertentu dalam pemberian lesen pada nelayan terutamanya untuk lesen perairan pantai iaitu Zon A dan B. Tindakan ini ialah untuk menghadkan bilangan yang terus melibatkan diri dalam perikanan perairan pantai dan

disamping itu menggalakkan mereka melibatkan diri dalam dupan perikanan laut dalam di Zon C dan D. Dengan negara jiran juga

ii. Mengadakan peraturan baru untuk meluaskan mata pukut supaya anak-anak ikan tidak terperangkap di dalam.

iii. Mengharamkan pukut-pukut atau kaedah-kaedah penangkapan yang menjejaskan sumber laut.

iv. Mengurangkan masa tangkapan dengan menghadkan masa-masa tertentu boleh menangkap dan masa tertentu yang lain tidak boleh menangkap ikan.

v. Mengkhaskan kawasan simpanan/larangan supaya ikan-ikan dapat membiak dan membesar.

vi. Menyediakan 'rumah-rumah tiruan' supaya ikan-ikan dapat bertelur dan membiak dengan cara membubuhkan tayar-tayar lama di dasar laut.

vii. Undang-undang kawalan pencemaran laut yang lebih ketat. Didapati pada masa kini, pencemaran laut sudah semakin menjadi-jadi terutamanya dari akibat pembuangan sampah sarap oleh orang ramai, pembuangan sisa bahan kimia dari kilang industri dan pertumpahan minyak.

Pencemaran air laut ini telah mematikan ikan-ikan, kalau ada ikan yang tidak mati ianya juga mengandungi racun dan amat merbahaya pada yang makannya.

viii. Rondaan polis laut yang lebih kerap dan cekap untuk menangkap mereka yang melanggar peraturan dalam negeri dan undang-undang antarabangsa untuk dihadapkan ke makhamah. Kegiatan rondaan ini boleh dijalankan dengan bergabung dengan

rondaan yang lain seperti rondaan untuk mencegah penyeludupan dan lanun. Juga gabungan rondaan dengan negara jiran juga patut dijalankan untuk menghalang pencerobohan.

memperbaiki teknologi sekarang dan juga untuk mencari kaedah TEKNOLOGIKAL memperbaiki industri perikanan yang lain seperti

- i. Mengharamkan teknologi penangkapan yang membazir dan memusnahkan sumber laut seperti kaedah penangkapan dengan menggunakan racun, letupan dan elektrik.
- ii. Memperkenalkan teknologi baru yang simple tetapi praktikal dan dalam keupayaan nelayan untuk menggunakannya. Teknologi baru ini boleh diperkenalkan secara berperingkat-peringkat supaya proses penerimaan, penyesuaian dan adaptasi boleh berlaku di kalangan masyarakat nelayan. Teknologi baru yang diperkenalkan itu harus mementingkan atau mengutamakan faedah jangka masa panjang dan bukan faedah jangka masa pendek sahaja. Teknologi baru itu seboleh-bolehnya mestilah yang menggunakan tenaga manusia dan bukan yang menjimatkan tenaga manusia untuk mengurangkan masalah pengangguran di negara kita dan guna tenaga tidak penuh di sektor perikanan.
- iii. Kursus dan latihan untuk nelayan harus dipergiatkan supaya nelayan-nelayan dapat diperkenalkan dengan teknologi-teknologi baru dan belajar mengoperasikan kaedah baru itu. Kursus dan latihan juga harus diadakan untuk pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan atau yang berkaitan dengan perikanan. Dengan adanya kursus dan latihan, pegawai-pegawai akan lebih

berkelayakan dan berpengalaman serta lebih beryakin bila memberi tunjukajar, demonstrasi dan nasihat pada nelayan-nelayan.

iv. Penyelidikan harus dijalankan dari masa ke semasa untuk memperbaiki teknologi sekarang dan juga untuk mencari kaedah baru bagi memperbaiki industri perikanan yang lain seperti ternakair, membuat keropak, cincaluk dan sebagainya. demi untuk meningkatkan motivasi mereka untuk berusaha dengan SOSIO-EKONOMI serta memberikan nasihat-nasihat yang membina

i. Mengkaji semula peranan koperasi nelayan dan tetapkan peranannya yang lebih aktif dan benar-benar membantu masyarakat nelayan. iaitu selalu mengorbankan harta benda dan nyawa,

ii. Persatuan Nelayan juga harus dikaji semula supaya tidak ada lagi mereka yang masuk jadi ahli ialah kerana untuk mereka memohon subsidi sahaja. Daripada kajian di Kuala Muda, subsidi didapati kebanyakan awak-awak tidak masuk jadi ahli Persatuan Nelayan kerana mereka kata mereka tidak ada bot jadi tidak boleh meminta subsidi. Dari sini Persatuan Nelayan seolah-olah dilihat sebagai mempunyai satu fungsi sahaja iaitu membolehkan ahli-ahlinya memohon mendapatkan subsidi. Kerajaan mestilah cuba untuk mengikis pandangan awak-awak ini dan menggalakkan mereka masuk jadi ahli Persatuan Nelayan dengan mengadakan lebih banyak aktiviti yang lebih menarik dan menguntungkan nelayan. Penubuhan satu Persatuan Nelayan Kebangsaan/Nasional akan dapat memudahkan penyelarasan aktiviti-aktiviti Persatuan Nelayan di seluruh negara.

iii. Penubuhan Persatuan Sekerja Awak-awak di kampung-

kampung nelayan mungkin akan dapat mengurangkan eksploitasi atau penindasan tuan punya bot dan taukeh-taukeh besar. Awak-awak akan dapat memperjuangkan pembahagian pendapatan yang lebih adil dan saksama.

iv. Memberikan pelajaran dan maklumat-maklumat baru dengan tepat pada nelayan melalui kelas-kelas perbincangan demi untuk meningkatkan motivasi mereka untuk berusaha dengan lebih kuat serta memberikan nasihat-nasihat yang membina supaya mereka menyimpan wang lebihan mereka yang sekali sekala itu untuk dijadikan modal di masa depan.

v. Kegiatan lanun selalu mengorbankan harta benda dan nyawa, selain dari mengawal kegiatan lanun ini dengan rondaan polis laut; di kalangan nelayan itu sendiri boleh digalakkan mereka membeli insuran dengan cara kerajaan memberi bantuan subsidi insuran secara tahunan pada nelayan-nelayan.

vi. Memperbaiki infrastruktur dan menyediakan kemudahan penangkapan sama ada oleh kerajaan atau oleh pihak swasta. Jambatan/jeti, rumah api, jalanraya boleh dibangunkan oleh kerajaan, tukang membuat bot, membaiki bot, menjual ais batu, membaiki enjin, menjual tali dan pukot bolehlah digalakkan pihak swasta untuk mengusahakannya. Kerajaan juga boleh bergabung dengan pihak swasta seperti dalam penjualan minyak pada nelayan. Semua kemudahan ini seharusnya diusahakan dalam perkampungan nelayan supaya perkhidmatan yang cepat dapat diperolehi.

vii. Pasaran baru ikan untuk tempatan ataupun luar negeri

harus diusahakan oleh kerajaan supaya harga dapat ditinggikan untuk memberi perangsang pada nelayan dan harus juga memastikan nelayan mendapat pulangan yang sepatutnya. viii. Mengusahakan sumber pekerjaan baru seperti menggalakkan nelayan menternak ikan air tawar, udang galah, ketam dan lain-lain. Industri kecil juga harus digalakkan untuk menambahkan pendapatan seperti industri keropok, cincaluk, belacan, bola ikan (fish ball) dan ikan kering.

Sesungguhnya tidak kira apa cadangan sekali pun, ia harus diselidiki dan diteliti terlebih dahulu sebelum ianya digubal untuk dilaksanakan. Kita dapati ada tiga pihak penting yang terlibat dalam sesuatu rancangan pembangunan. I. Pihak pembuat polisi atau pihak perancang

Pihak ini selalunya bersifat 'atas ke bawah' dimana segala dasar digubal di kalangan pembuat polisi tanpa mendapatkan pandangan dan pendapat dari masyarakat yang hendak dibangunkan. Dasar yang bersifat 'bawah ke atas' sepatutnya digalakkan kerana pendapat dan pandangan dari masyarakat yang hendak dibangunkan itu adalah penting untuk menjamin kejayaan sesuatu dasar itu. Maklumat yang tepat mengenai masyarakat yang hendak dibangunkan itu hanya akan diperolehi daripada mereka yang hidup dalam lingkungan masyarakat itu. Dengan adanya maklumat yang tepat barulah sesuatu dasar dan langkah penyelesaiannya nanti akan tepat pada sasarannya.

II. Pihak pelaksana.

- Kejayaan sesuatu dasar memerlukan pelaksana atau pegawai yang berpengalaman, bermoral tinggi, bersih, cekap dan amanah supaya sebarang penyelewengan untuk kepentingan diri sendiri tidak berlaku. Dalam pelaksanaan sesuatu dasar, kita dapati selalunya ada satu-satu badan atau jabatan yang ditentukan khas untuk melaksanakan sesuatu projek. Tetapi dalam keadaan yang sebenarnya, kita dapati kebanyakan masalah yang dihadapi itu mempunyai ciri-ciri yang berkaitan dan penyelesaian dari satu pihak sahaja nampaknya kurang berkesan. Contohnya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh nelayan, jika hanya Jabatan Perikanan sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan masalah, kita akan dapati masalah itu tidak dapat diselesaikan.
- Gabungan beberapa jabatan yang berkaitan adalah perlu supaya satu langkah itu dapat dijalankan dengan berkesan. Penyelesaian masalah dalam sektor perikanan memerlukan gabungan kerjasama jabatan-jabatan seperti berikut :-
1. Jabatan Penangkutan.
- membina jalan, jeti, perhubungan radio dari bot ke bot.
 2. Jabatan Alam Sekitar, Sains dan Teknologi.
- mengawal pencemaran air, mengkaji dan menyelidik kaedah baru.
 3. Jabatan Perindustrian dan Perdagangan.
- mengatur eksport import, menggalakkan industri kecil.

4.2 Jabatan Luar Negeri.

- mewujudkan usahasama dengan negara jiran.

5. Jabatan Kewangan.

- pinjaman dan kredit.

6. Jabatan Pelajaran.

- latihan teknologi, pelajaran formal dan informal.

7. Jabatan Kebajikan Awam.

- soal-soal keperluan asasi. sahaja tetapi nelayan di semua perkampungan nelayan di negara kita sedang menghadapi masalah

III. Pihak penerima.

Bila satu langkah itu dapat menyakinkan pihak penerima tentang faedahnya dan tepat pula sasarannya maka langkah itu ada kemungkinan besar untuk berjaya dalam tujuannya. Walau bagaimanapun kita tidak menafikan sesuatu langkah yang sama kadang-kadang berkesan di satu kawasan tertentu dan tidak pula berkesan di kawasan yang lain. Ini adalah kerana ciri dan sifat tempatan yang berbeza, oleh itu kajian secara kecilan dan persendirian ini adalah amat baik untuk melihat ciri tempatan ini. Tidak dapat juga kita ingin melihat sesuatu kesan dari langkah pembangunan dalam jangka masa yang pendek kerana jangka masa yang panjang diperlukan untuk proses penerimaan, penyesuaian dan adaptasi. Dengan itu janganlah kita mengecam sesuatu langkah pembangunan dalam jangka masa pendek tanpa melihat pada faedah jangka masa panjangnya. Perhatian pada aspek sosio dan ekonomi komuniti nelayan di Kuala Muda. Penumpuan pada aspek sosio dan ekonomi ini

5.2 KESIMPULAN

Kesimpulan penting yang dapat ditarik dari kajian di Kuala Muda ialah masalah utama yang sedang dihadapi oleh mereka ialah masalah taraf hidup yang rendah dan juga sudah dikenalpasti ada lima punca utama yang menyebabkan keadaan itu. Dengan lain perkataan teori Ian R. Smith telah dapat dibuktikan kebenarannya dan ini menunjukkan kepada kita bahawa bukan nelayan di Kuala Muda sahaja tetapi nelayan di semua perkampungan nelayan di negara kita sedang menghadapi masalah taraf hidup yang rendah. Ataupun secara ringkas masalah kemiskinan sedang menemani mereka. Keadaan kemiskinan ini bukan satu fenomena yang baru tetapi sebenarnya ia sudah lama wujud. Kewujudan berterusan masalah ini tidak pula bererti kerajaan kita telah mengabaikan masyarakat nelayan ini kerana sudah dibuktikan dari kajian ini bahawa banyak langkah dan usaha telah dijalankan oleh kerajaan untuk mengubah dan membangunkan masyarakat nelayan. Tetapi sedihnya kebanyakan rancangan itu tidak mencapai kejayaan yang sepenuhnya dan alasan yang dapat disimpulkan dari kajian ini ialah kerana kerajaan kurang mengenalpasti masalah sebenar yang harus diselesaikannya. Kajian di Kuala Muda ini sebahagian besarnya menumpukan perhatian pada aspek sosio dan ekonomi komuniti nelayan di Kuala Muda. Penumpuan pada aspek sosio dan ekonomi ini

tidak pula bermakna aspek-aspek lain seperti kekuasaan dan politik itu tidak penting. Aspek-aspek lain juga sama penting tetapi oleh kerana minat pengkaji sendiri dan dengan berdasar pada disiplin Antropologi dan Sosiologi maka dirasakan aspek sosio-ekonomi adalah lebih penting dan perlu diberi perhatian yang lebih berat. ~~utnya diberi perhatian yang sewajarnya dan seimbang dengan perhatian yang diberikan pada aspek-aspek lain.~~ Aspek sosio dan ekonomi penting kerana kedua-dua aspek ini sebenarnya mempunyai perhubungan yang rapat. Perkembangan sosial biasanya merupakan syarat utama bagi pertumbuhan ekonomi; misalnya dalam keadaan di mana setengah-setengah faktor sosial merupakan penghalang kepada pertumbuhan ekonomi, maka perlulah halangan-halangan itu dihapuskan untuk memastikan agar pertumbuhan ekonomi dapat berjalan dengan licin. Pertumbuhan ekonomi pula merupakan satu-satunya faktor paling penting yang menentukan perubahan sosial. Selalunya tujuan utama perkembangan ekonomi bukan saja untuk mengatasi masalah ekonomi saja akan tetapi juga untuk menyelesaikan masalah-masalah sosial.

Jika pertumbuhan ekonomi hanya menaikkan pendapatan perkapita tanpa membawa perubahan dalam bidang sosial tidaklah dapat kita katakannya sebagai pembangunan atau kemajuan. Contohnya, menurut Dudley Seers¹ ada tiga masalah pokok yang dihadapi oleh negara-negara sedang membangun iaitu kemiskinan, pengangguran dan ketidaksetaraan. Menurutny lagi jika ketiga-

tiga masalah pokok itu telah menjadi bertambah buruk, tidaklah dapat kita memanggil hasilnya itu sebagai kemajuan, walaupun pendapatan perkapita negara telah meningkat dua kali ganda.

New Delhi, 1959. Bagi Seers, pendapatan perkapita negara tidak boleh dianggap sebagai kaya pengukur untuk menyatakan kemajuan. Oleh itu dalam proses pembangunan negara, aspek sosio-ekonomi ini sepatutnya diberi perhatian yang sewajarnya dan seimbang dengan perhatian yang diberikan pada aspek-aspek lain. Dengan sebab itu jugalah latihan ilmiah ini memberikan tumpuan khas pada aspek sosio-ekonomi ini.

Akhir sekali kita mengharapkan langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan untuk membangunkan masyarakat nelayan akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya supaya setiap warganegara di Malaysia ini akan dapat menikmati segala kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.

Nota Bab V

(1) Dudley Seers, "The Meaning Of Development", World Conference Of The Society For International Development, New Delhi, 1969. Bagi Seers, pendapatan perkapita negara tidak boleh diguna sebagai kayu pengukur untuk menyatakan kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Selain dari pendapatan perkapita negara, keadaan lain iaitu kemiskinan, pengangguran dan ketidakaksamaan harus diambil kira bersama dalam menentukan maju atau tidak majunya sesebuah negara.



Kedua-dua gambar ini menunjukkan permandangan pantai di Kuala Muda. Ketika gambar-gambar ini diambil; kebanyakan nelayan sudah pulang dari laut, dengan itu kelihatan dalam gambar-gambar ini banyak bot dilabuhkan di tepi pantai.





Gambar di atas, kawasan yang ditunjukkan oleh anak panah ialah kawasan Kuala Muda, Kedah. Kawasan pantai di seberang sini ialah kawasan Kuala Muda, Seberang Prai Utara, Butterworth. Gambar di bawah menunjukkan permandangan di kawasan pekan di Kuala Muda, Seberang Prai.





Kedua-dua gambar ini menunjukkan rumah-rumah di Kuala Muda, perhatikan terdapat rumah papan dan ada juga rumah yang setengah batu dan setengah papan. Ini menunjukkan kepada kita bahawa terdapat perbezaan pendapatan di antara nelayan-nelayan di situ.





Gambar di atas menunjukkan unit-unit rumah murah (50 unit) yang didirikan oleh kerajaan untuk nelayan di Kuala Muda, kelihatan dalam gambar banyak lagi rumah yang belum dihuni orang. Gambar di bawah menunjukkan Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Muda dengan bangunan batu dua tingkat.





Gambar atas menunjukkan satu jambatan atau jeti yang dibina oleh kerajaan untuk memudahkan nelayan menfangkut naik hasil tangkapan mereka ke darat.

Gambar bawah menunjukkan satu kawasan permainan kanak-kanak, kelihatan juga satu rumah api dan sebuah pondok rihat nelayan.





Gambar atas menunjukkan nelayan sedang mengeringkan ikan-ikan untuk di jadikan ikan masin. Ini merupakan salah satu kerja sampingan nelayan di situ.

Gambar bawah menunjukkan nelayan-nelayan sedang sibuk menangkap ikan dengan menggunakan jala. Mereka sedang menaikkan hasil tangkapan mereka ke darat.





Kedua-dua gambar ini menunjukkan jualan ikan secara lelong sedang berlaku. Kelihatan nelayan-nelayan melonggokkan hasil tangkapan mereka atas tanah dan taukeh-taukeh ikan yang ingin membeli telah menawarkan harga belian pada nelayan dengan cara membisik di telinga nelayan itu.



BIBLIOGRAFI

- (1) David S. Gibbons : "Public Policy Towards Fisheries Development In Peninsular Malaysia : A Critical Review Emphasizing Penang And Kedah" Proceedings Of The Seminar On The Development Of The Fisheries Sector In Malaysia. Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.
- (2) Donald K. Emmerson : "Rethinking Artisanal Fisheries Development : Western Concepts, Asian Experiences", World Bank Staff Working Paper, No. 423. October 1980.
- (3) Dudley Seers : "The Meaning Of Development", World Conference Of The Society For International Development, New Delhi, 1969.
- (4) Gerald Moore : "Malaysia : A New Fisheries Bill" South China Sea Fisheries Development And Coordinating Programme, I.L. 1977. Manila, October, 1977.
- (5) E.H.C. Dobby : "Padi Landscapes of Malaya", Malayan Journal Of Tropical Geography, volume 6, 1955.
- (6) Raymond Firth : Malay Fishermen : Their Peasant Economy, London, 1966.

- (7) G.L.Bach : The New Inflation, Causes, Effects, Cures. U.S.A. 1973
- (8) G.R.Elliston : "Some Factors Which May Explain The Failure Of Some Government Aid Schemes For Fishermen", Proceedings Of The Seminar On The Development Of The Fisheries Sector In Malaysia. Persatuan Ekonomi Malaysia, Kuala Lumpur, 1977.
- (9) G.R.Munro and Chee Kim Loy : The Economics Of Fishing And The Developing World : A Malaysian Case Study. USM, 1978.
- (10) Ian R.Smith : "A Research Framework For Traditional Fisheries." The International Center For Living Aquatic Resources Management. Manila, 1979.
- (11) Jahara Yahaya : "Some Implications Of The Fishermen's Subsidy Scheme In Peninsular Malaysia", Proceedings Of The Seminar On The Development Of The Fisheries Sector In Malaysia. Persatuan Ekonomi Malaysia, K.L. 1977.
- (12) Jahara Sabri : Small-Scale Fisheries Development In Peninsular Malaysia : Problems And Prospects. UM, 1976.
- (13) J.S.Campbell : "Types Of Parastatal Bodies Concerned With Fisheries Development And Their Financial Responsibilities", FAO Fisheries Technical Paper No.179. Rome, 1978.

- (14) Kamaruddin M.Said : "Daripada Nelayan Tani Kepada Pekerja Bot." Jurnal Antropologi Dan Sosiologi, UKM, Jilid 9, 1981.
- (15) Khoo Khay Huat : "Implementation Of Regulations For Domestic Fishermen". Law of The Sea - Problems of Conflict and Management of Fisheries In Southeast Asia, edited by Francis T.Christy, Jr. Manila, 1978.
- (22) Noorani Kamarun : Development In Malaysia
- (16) Lam Wah Chang dan D.Pathansali : An Analysis Of Penang Trawl Fisheries To Determine The Maximum Sustainable Yield. Ministry of Agriculture, 1977. Malaysia, 1977.
- (23) Nor Laili dan (17) Syed Husin Ali : Apa Erti Pembangunan. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.
- (24) Yap Chan Ling : Teori-Teori Inflasi. Pajar Bakti.
- (18) T.B.Wilson : The Economics of Padi Production In North Malaysia, Part one : Land Tenure Rents, Land Use and Fragmentation. Kuala Lumpur, 1958.
- (25) Yap Chan Ling : Land Tenure Rents, Land Use and Fragmentation. Kuala Lumpur, 1958.
- (19) Thong Yaw Hong : "Planning - The Malaysian Experience" Ministry of General Planning And Socio-Economic Research.
- (27) Wan Hashim, : Kaedah Penyelidikan Sosial.
- (20) R.C.Cole, Peh dan Shamsul Amri Baharuddin : "Fisheries Development And Requirements of Fishery Education And Training. In Malaysia, Thailand, Fiji and The Philippines With

- (28) "Development Potential of Selected Fishery Products In The Regional Member Countries of The Asian Development Bank", South China Sea Fisheries Development And Coordinating Programme, Food And Agriculture Organization of The United Nations, Manila, 1977. *Jan Kewangan Malaysia.*
- (4) *Berita Malaysia, Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia, Bilangan 31, Disember, 1982.*

Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya. *Ibid, Bilangan 34, September, 1983.*

- (7) *Ibid, Bilangan 32, April, 1983.*
- (1) Rancangan Perkampungan Nelayan Kuala Linggi : Satu Kajian Sosio-Ekonomi Tentang Kecacatan Rancangan. oleh Ruslin Bin Hasan , sesi 1973/74.
- (2) Konflik Dalam Masyarakat Nelayan Di Kuala Kedah. oleh Mohd.Shukran Abdul Halim, sesi 1973/74.
- (3) Komuniti Nelayan Di Kuala Besut, Besut, Trengganu. (Satu Kajian Ke atas Struktur Sosio-Ekonomi dan Pembangunan), oleh W.Mohd.W.Ibrahim, sesi 1980/81.
- (4) Kaum Nelayan Kampung Dalam Rhu, Tumpat, Kelantan : Satu Kajian Mengenai Sosio-Ekonomi, oleh Ismail Samah, sesi 1981/82
- (5) Kemiskinan dan Masalah Komuniti Nelayan Dari Perspektif Sosio-Ekonomi. (Satu kajian Kes Di Pulau Tuba, Pulau Langkawi, Kedah) oleh Mohd Saidi bin Midin, sesi 1983/84.

Laporan Resmi Kerajaan

- (1) Rancangan Malaysia Ketiga.
- (2) Rancangan Malaysia Keempat.
- (3) Laporan Ekonomi 1982-1983, Kementerian Kewangan Malaysia.
- (4) Berita Nelayan, Bahagian Perikanan, Kementerian Pertanian Malaysia, Bilangan 31, Disember, 1982.
- (5) Ibid, Bilangan 28, April, 1982.
- (6) Ibid, Bilangan 34, September, 1983.
- (7) Ibid, Bilangan 32, April, 1983.